



# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**

*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KELIMA**

*Fifth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**

*First Session*

## **KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 9251]

**USUL UNTUK MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG AHLI**  
**PERSENDIRIAN:**

**Akta Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 1979 [Ruangan 9279]**

**USUL-USUL:**

**Akta Kastam 1967—**

**Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 17) 1979 [Ruangan 9290]**

**Akta Eksais 1976—**

**Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1979 [Ruangan 9291]**

**Anggaran Pembangunan, 1980 [Ruangan 9292]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1980 [Ruangan 9292]**

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

*Penyata Rasmi Parlimen*

### PENGGAL YANG PERTAMA

#### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- ” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- ” Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- ” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- ” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- ” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J., (Tenggaroh).
- ” Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N., (Kuala Langat).
- ” Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., (Samarahan).
- ” Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- ” Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- ” Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- ” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- ” Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- ” Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- ” Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- ” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- ” Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- ” Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).

- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M., (Sungei Siput).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K. J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF, (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR. NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, K.M.N., (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S. P.I.S. (Kuala Selangor).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N., (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- ” TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- ” TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- ” TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- ” TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- ” DATUK PATINGGI TAN SRI (DR.) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S., (Paloh).
- ” TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- ” DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- ” TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- ” TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- ” TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- ” DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- ” TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- ” TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- ” TUAN AZHARUL BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- ” TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- ” TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- ” TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- ” DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- ” DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S (Ulu Selangor).
- ” TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).

Yang Berhormat TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).

- ” PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).
- ” TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- ” TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- ” TUAN V. DAVID (Damansara).
- ” DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- ” DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- ” TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- ” DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- ” TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- ” TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- ” TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- ” DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Ayer Hitam).
- ” TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- ” TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- ” TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- ” TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- ” TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- ” TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- ” TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- ” TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- ” TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- ” TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- ” TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- ” DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- ” TUAN LEE KAW (Kluang).
- ” TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- ” TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- ” TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- ” TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- ” TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- ” TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- ” TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- ” TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- ” TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- ” TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).

- Yang Berhormat TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.D., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MOHD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ DR TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungei Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR. WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

 Selasa, 6hb November, 1979
 

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN

LEMBU/KERBAU KEPADA TUAN-  
PUNYA—MEMBEKALKAN

**1. Tuan Hussein bin Mahmood** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau bercadang hendak membekalkan lembu-kerbau kepada tuan-tuanpunya lembu-kerbau yang lembu-kerbaunya dimusnahkan semasa gerakan mengatasi penyakit kuku dan mulut lembu-kerbau pada tahun 1978. Kalau ya adakah diberi percuma atau bagaimana, dan berapakah peruntukan yang disediakan untuk projek itu.

**Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sudah pun memulakan pembekalan lembu/kerbau kepada tuanpunya-tuanpunya lembu/kerbau yang ternakan mereka telah dimusnahkan semasa gerakan mengatasi penyakit kuku dan mulut pada tahun 1978 yang lalu. Pemberian tersebut diberi secara subsidi. Peruntukan yang diperlukan bagi membiayai projek ini ialah lebih kurang \$5 juta.

Sebenarnya sebahagian daripada lembu-lembu untuk rancangan pemulihan ini telahpun dibekalkan daripada Australia dan dibahagi-bahagikan kepada penternak-penternak di negeri-negeri Kelantan, Kedah dan Perlis mulai pada bulan Ogos, 1979.

Setakat ini sebanyak 2,000 ekor lembu telahpun dibahagikan dan adalah dijangka rancangan pemulihan ini dapat diselesaikan pada pertengahan tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, sejumlah 8,620 ekor lembu-kerbau telah dimusnahkan dalam masa wabak penyakit kuku dan mulut dahulu. Di bawah rancangan pemulihan mengikut formula yang diluluskan oleh Kerajaan dan mengikut kadar kehilangan ternakan oleh seseorang penternak sejumlah 4,085 termakan akan dibahagi-bahagikan kepada penternak-penternak di bawah rancangan pemulihan ini.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada beliau atau Kementerian beliau membuat kajian atau penyiasatan tentang sama ada lembu-lembu dari Australia yang disebutkan tadi telah diberi kepada tuanpunya-tuanpunya lembu-kerbau yang telah dimusnahkan itu, adakah lembu-lembu tersebut sesuai dengan keadaan iklim negara ini dan yang kedua adakah soal makanan lembu-lembu daripada Australia ini tidak berbangkit kerana rumput yang dibekalkan adalah rumput tempatan bukan rumput Australia.

**Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan di bawah Kementerian saya sentiasa mengkaji perkara ini dan lembu-lembu yang dibahagi-bahagikan kepada penternak itu sentiasa diawasi dan penternak-penternak yang berkenaan itu yang mendapat bekalan lembu-lembu sentiasa diberi bimbingan dan nasihat oleh pegawai-pegawai daripada Jabatan Perkhidmatan Haiwan daripada semasa ke semasa.

Adalah dipercayai lembu-lembu yang dibawa daripada Australia itu adalah dari jenis-jenis yang sesuai mengikut keadaan tempatan di negara kita ini.

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya adakah benar atau tidak lembu-lembu yang dimusnahkan

itu hanya disyaki mendapat penyakit kuku dan mulut dan jika lembu-lembu yang disyaki itu dimusnahkan bagaimanakah Kerajaan dapat menentukan anak-anak lembu yang digantikan itu tidak mempunyai penyakit yang sama.

**Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, lembu-lembu yang telah dimusnahkan sebagaimana yang disebutkan tadi yang jumlahnya 8,620 ekor itu memang telah disahkan membawa penyakit kuku dan mulut. Dengan sebab itu lembu-lembu tersebut dimusnahkan pada waktu itu dan lembu-lembu yang akan dibahagi-bahagikan di dalam rancangan pemulihan ini adalah ditentukan juga ianya tidak mempunyai penyakit ini dan tidak membawa kuman-kuman penyakit ini dan ditentukan juga bahawa kawasan atau tempat-tempat di mana penternak-penternak yang akan menerima lembu-lembu di bawah rancangan pemulihan ini tidak lagi merbahaya dari segi penyakit kuku dan mulut ini.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Sebenarnya lembu-lembu Australia ini bukan sahaja tidak sesuai dengan makanannya tetapi juga tidak sesuai dengan gembalanya. Jadi adakah benar lembu-lembu ini tidak sesuai dengan gembalanya kerana lembu-lembu ini tidak faham berbahasa Malaysia (*Ketawa*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah menjawab tadi lembu yang dipilih itu yang sesuai untuk negara ini.

Adakah hendak jawab lagi, ada tambahan Yang Berhormat?

**Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin menjawab sedikit sahaja . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Tentang gembala tadi.

**Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Ya, fasal gembala ini nampaknya soalan daripada Ahli Yang Berhormat itu samalah seperti dua kali lima sepuluh, lima kali dua sepuluh. Saya tidak tahu mana yang tidak sesuai, sama ada lembu dengan gembalanya atau gembala dengan lembunya. Tetapi

saya percaya dengan bimbingan yang diberi oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan kedua-duanya ini, Insya Allah, akan dapat disesuaikan.

#### TALI PINGGANG KELEDAR— PENGECEUALIAN

**2. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah beliau bercadang mengecualikan pemakaian tali keledar bagi memandu di dalam kawasan bandar yang sudah pun dihadkan kelajuannya tidak melebihi 30 atau 40 b.s.j. kerana ini sangat menyusah dan merumitkan pemandu-pemandu di dalam kawasan bandar.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang sama telah dikemukakan di Dewan yang mulia ini dalam persidangan yang lalu. Walau bagaimanapun saya suka mengulang bahawa Kementerian saya tidak bercadang pada masa sekarang mengecualikan pemandu dan penumpang hadapan kenderaan daripada memakai tali pinggang keledar dalam kawasan bandar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang sebenarnya, sesuatu soalan yang telah dijawab dengan penuh tidak boleh dibangkitkan lagi di dalam penggal, bukan dalam mesyuarat, dalam session bukan dalam meeting, dalam session ini tidak boleh lagi mengikut Peraturan Mesyuarat 23 (1) (p). Kalau tidak diulang pun jawabnya tidak payah.

#### KOLEJ SAINS RENDAH MARA— PENUNTUT-PENUNTUT

**3. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar bahawa penuntut-penuntut Kolej Sains Rendah Mara yang gagal dalam peperiksaan atau yang mendapat markah yang rendah daripada markah minima tidak berpeluang memasuki sekolah-sekolah Kerajaan. Jika benar, sama ada satu dasar atau penggal pelajaran yang sama dapat diselaraskan. Jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa penuntut-penuntut Kolej Sains Rendah Mara yang gagal dalam peperiksaan atau yang mendapat markah yang rendah daripada markah minima tidak berpeluang memasuki sekolah-sekolah Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat penuntut-penuntut yang lulus peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) di Maktab Sains Rendah Mara tetapi tidak memenuhi syarat-syarat untuk melanjutkan pelajaran ke Tingkatan 4 di Kolej tersebut adalah dibenarkan melanjutkan pelajaran ke Tingkatan 4 di sekolah-sekolah Menengah Kerajaan jika mereka memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran.

Penuntut-penuntut yang gagal dalam peperiksaan SRP atau Sijil Rendah Pelajaran dan SPM/MCE di Maktab Sains Rendah Mara juga adalah diberi peluang untuk belajar semula di Tingkatan 3 atau 5 disekolah-sekolah Menengah Kerajaan tetapi juga tertakluk pada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran.

#### UMNO/MCA/MIC—MENGHARAMKAN

4. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan adakah parti-parti politik seperti UMNO, MCA dan MIC adalah tidak sesuai untuk sebuah negara yang berbilang bangsa seperti Malaysia, jika ya, sama ada undang-undang akan diperkenalkan untuk mengharamkan parti-parti politik yang berdasarkan perkauman di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri (Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang hampir sama telah pun dijawab semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh pada 8hb November, 1978 iaitu dalam penggal yang sama. Oleh yang demikian, saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi.

#### PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU—CARUMAN MALAYSIA

5. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Luar Negeri menyatakan jumlah sebenar caruman tahunan Kerajaan kita kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan perangkaan rakyat-rakyat kita yang berkhidmat di Ajensi-ajensi Bangsa-bangsa Bersatu dan jika sekiranya perangkaan rakyat-rakyat kita yang berkhidmat dengan Ajensi-ajensi Bangsa-bangsa Bersatu itu bersekadar dengan caruman-caruman kita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, jumlah sebenar caru-

man tahunan Kerajaan Malaysia perbelanjaan biasa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi tahun 1979 ialah M\$836,052. Angka-angka untuk belanjawan biasa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu disimak pada tiap-tiap tahun berasaskan kepada taksiran Pertubuhan itu mengenai keperluan kewangannya pada tiap-tiap tahun.

Selain daripada itu Malaysia juga membuat caruman kepada target program dan Tabung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu seperti berikut:

1. United Nations Relief and Works Agency ...	M\$	3,458
2. United Nations Development Programme ...	M\$	783,802
3. United Nations Emergency Force, United Nations Disengagement Observer Force ...	M\$	28,719
4. United Nations Trust Fund for South Africa ...	M\$	2,201
5. United Nations Education and Training Programme for South Africa	M\$	2,201
6. United Nations Trust Fund for publicity against apartheid ...	M\$	5,503
7. United Nations Industrial Development Fund	\$M	4,403
8. United Nations High Commission for Refugees	M\$	3,302
9. United Nations Children's Fund ...	M\$	220,140
Jumlah besar ...	M\$1,053,729	

Jumlah besar caruman Malaysia berdasarkan kepada angka-angka di atas adalah M\$1,889,781.

Tuan Yang di-Pertua, perlantikan-perlantikan am pada jawatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu adalah tertakluk kepada pembahagian adil mengikut bahagian geography dan bukan bersekadar dengan carum-carum dari negara-negara ahli pertubuhan tersebut.

Qota untuk Malaysia pada masa ini adalah minimanya 4 jawatan dan pada maksima 9 jawatan. Setakat 30hb Jun, 1978 kita telahpun melebihi qota ini dan sebanyak 11 orang

warganegara Malaysia sedang bekerja di dalam perkhidmatan professional di Secretariat Bangsa-bangsa Bersatu di New York.

Jumlah warganegara Malaysia yang bekerja di perkhidmatan am dan di ajensi-ajensi Bangsa-bangsa Bersatu yang lain tidak dapat diketahui.

### **KAPAL KEPUNYAAN SYARIKAT PERKAPALAN ANTARABANGSA MALAYSIA (MISC)**

**6. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang hendak menambahkan lagi bilangan kapal kepunyaan Syarikat Perkapalan Antarabangsa Malaysia (M.I.S.C.) dalam masa 5 tahun yang akan datang, memandangkan pentingnya peranan syarikat tersebut di bidang perdagangan dengan negara-negara di dunia yang kian bertambah.

**Perdana Menteri (Dato Hussein Onn):** Tuan Yang di-Pertua, bilangan kapal yang ada sekarang ialah sebanyak 30 buah dengan berat sebanyak 806,000 ton metric. Bilangan ini akan bertambah kepada 32 buah menjelang akhir tahun 1979 ini dengan berat 817,000 ton metric.

Adalah menjadi dasar jangka panjang Kerajaan untuk meningkatkan penyertaan Malaysia dalam sektor perkapalan baik perkapalan dalam negeri ataupun antarabangsa. Dasar Kerajaan mengenai perkapalan dalam negeri ialah semua barang-barang dari sebuah pelabuhan ke sebuah pelabuhan dalam Malaysia hendaklah diangkut dalam kapal-kapal yang didaftarkan di Malaysia. Dasar ini akan berkuatkuasa pada 1hb Januari, 1980.

Dasar Kerajaan mengenai perkapalan antarabangsa pula ialah melaksanakan perakuan yang dibuat oleh United Nations Conference on Trade and Development. Dasar ini hanya meliputi perkhidmatan kapal yang berjadual sahaja (liner shipping). Formula ini ialah 40: 40: 20, iaitu 40% untuk negara ini sebagai pengimport dan 20% untuk negara-negara ketiga. Memandangkan kepada matlamat jangka panjang Kerajaan pihak MISC ada mempunyai rancangan jangka panjangnya termasuklah rancangan lima tahun untuk menambahkan bilangan kapalnya bagi memenuhi matlamat ini.

Saya tidak dapat memberitahu berapa banyak bilangan kapal yang akan ditambah dalam tempoh lima tahun akan datang oleh kerana maklumat ini adalah rahsia perniagaan.

**Tuan Lee Lam Thye:** Soalan tambahan. Untuk makluman Dewan ini, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi tahu Dewan, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menjadikan Syarikat Perkapalan Antarabangsa Malaysia sebagai satu syarikat yang lebih viable yang dapat bersaing dengan syarikat-syarikat perkapalan yang lain di bidang perdagangan dan juga apakah langkah-langkah jangka panjang yang akan dirangka untuk menentukan bahawa syarikat ini adalah boleh dijadikan lebih viable.

**Perdana Menteri:** Apa soalan tambahannya?

**Tuan Lee Kaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Perdana Menteri sedar apakah tujuan MISC oleh kerana MISC berkhidmat dalam negeri iaitu Malaysia Timur dan Malaysia Barat dan banyak barang yang kita keluarkan dalam Semenanjung Malaysia telah dihantar ke Malaysia Timur. Disebabkan kenaikan harga minyak, MISC telah membuat surcharge yang tinggi sekali. Ini tidak boleh promote eksport kita dalam Semenanjung Malaysia dan Malaysia Timur.

**Perdana Menteri:** Tidak sedar.

### **MAS—PEMBUANGAN KERJA**

**7. Tuan Lee Kaw** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sebab-sebab mengapa seramai 31 orang pekerja MAS tidak diambil balik kerja sungguhpun pertikaian MAS-AEU telah selesai dan sama ada beliau sedar akan jaminan yang diberikan oleh Tan Sri Ghazali Shafie Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, bahawa orang-orang yang terlibat dalam pertikaian tersebut tidak akan dihukum atau "penalised".

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan tidak sedar sama ada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada membuat jaminan

sebagaimana yang dibangkitkan. Perkara pembuangan kerja adalah perkara menyentuh hubungan di antara MAS dengan kakitangannya dan undang-undang yang berkaitan. Mereka itu dibuang kerja mengikut peraturan syarikat itu dan juga undang-undang dan Kerajaan tidaklah patut campur tangan di dalam hal itu. Jika mereka itu tidak puas hati dengan keputusan syarikat, mereka berhak mengambil tindakan undang-undang mengikut peratus yang ditetapkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini bahawa di antara 31 pekerja-pekerja yang terlibat, berapa orang yang diambil balik dan berapa orang pula yang dipecat.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pekerja-pekerja yang terlibat semua sekali berjumlah 140 orang. Yang dikenakan pembuangan hanya 31 orang dan yang diambil balik selebih dari itu.

### KELAYAKAN MENJADI WARGANEGARA

**8. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad** minta Perdana Menteri menjelaskan kenyataan beliau bahawa orang yang tidak taat setia kepada negara ini tidak layak menjadi rakyat. Apakah takrif taat setia itu dan apakah beliau bercadang menjadikannya syarat mendapatkan kerakyatan dengan dicatitkan dalam perlembagaan.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, jika kenyataan saya yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah berkenaan dengan perutusan saya sempena Hari Kebangsaan yang dibuat pada 30hb Ogos tahun ini, maka izinkan saya membaca apa yang saya telah kata iaitu, ini bunyinya:

“Kita mestilah kasihkan negara kita. Kita tidak dapat berbuat demikian tanpa semangat taat setia kepadanya. Kita tidak boleh menuntut hak dan kemudahan jika kita tidak sanggup menunaikan kewajipan dan memikul tanggungjawab sebagai warganegara. Sebagai rakyat negara ini kita mestilah bersedia dan sanggup membuat pengorbanan kerana negara sekalipun mengorbankan jiwa raga kita, seperti yang dilakukan oleh anggota-anggota pasukan

keselamatan. Kita tidak layak menjadi warganegara jika kita tidak dapat benar-benar menentukan sikap pendirian kita itu.”

Dengan kenyataan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya telah melahirkan perasaan saya terhadap “kasihkan negara”. Saya telah melahirkan pandangan saya bahawa seseorang yang benar-benar kasihkan negaranya hendaklah mempunyai sikap taat setia, sanggup membuat pengorbanan kerana negara.

Berkenaan dengan kerakyatan, Perlembagaan Persekutuan tidak membuat apa-apa peruntukan mengenai takrif “taat setia”. Sungguhpun demikian ada peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan di mana perlucutan kewarganegaraan boleh dibuat jika seseorang warganegara tidak taat setia kepada negara. Peruntukan-peruntukan itu adalah terkandung di dalam Bahagian 3 Bab 2, Perlembagaan Persekutuan.

Perkara taat setia memang tersedia menjadi syarat untuk mendapat kerakyatan, seperti yang diperuntukkan di dalam Sumpah dalam Jadual Pertama Perlembagaan Persekutuan.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai kewarganegaraan dan taat setia maka adakah Yang Amat Berhormat bersedia untuk menimbang satu cara untuk mengatasi masalah lebih 300,000 orang yang tinggal di Malaysia melebihi berpuluh-puluh tahun masih tidak dapat kerakyatan tetapi mereka sanggup membuat apa-apa bentuk pengorbanan dan juga termasuk melafaskan taat setia kepada Malaysia. Maka adakah Kerajaan akan menimbangkan untuk menerima mereka sebagai warganegara melalui satu cara penyelesaian yang berperi kemanusiaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan itu terkeluar sedikit daripada soalan asal. Tetapi kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak memberi penjelasan, sila.

**Perdana Menteri:** Tidak ada.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa masih banyak lagi orang-orang yang diberi kerakyatan tetapi tidak menunjukkan taat setianya

kepada negara ini khususnya mengenai penggunaan Bahasa Malaysia misalnya dan orang-orang yang mendapat kerakyatan itu tidak mengerti bahasa itu, tetapi kerakyatan diberi juga kepada mereka.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerangkan ada peruntukan di dalam Perlembagaan kita atas perkara-perkara yang tertentu bagi melucutkan kewarganegaraan. Saya beri contoh perkara-perkara yang telah ditentukan oleh Perlembagaan, misalnya Perkara 25 (1) (a), Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua:

“25 (1) Kerajaan Persekutuan boleh dengan perintah melucutkan kewarganegaraan seseorang yang menjadi warganegara dengan cara pendaftaran di bawah Perkara 16A atau 17 atau yang menjadi warganegara dengan cara masukan jika berpuashati—

(a) bahawa orang itu telah membuktikan dengan perbuatan atau percakapan sebagai seorang yang tidak setia atau tidak suka pada Persekutuan.”

Ini contoh.

Tentang apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu berkenaan dengan orang yang tidak boleh bertutur kata di dalam Bahasa Malaysia, itu tidak ada peruntukan dalam Perlembagaan, sebagai syarat melucutkan kerakyatan seseorang itu.

Banyak lagi peruntukan-peruntukan yang saya telah sebutkan itu yang ada di dalam Bahagian 3 Bab 2 Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan cara-cara melucutkan kerakyatan seseorang itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam perutusan yang disebutkan tadi mengenai taat setia ditujukan kepada satu kaum atau kaum-kaum tertentu sahaja atau adakah seruan itu ditujukan kepada semua rakyat daripada semua kaum.

**Perdana Menteri:** Ini saya tujukan kepada semua rakyat dan semua kaum.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adalah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa sebelum seseorang itu diterima

sebagai warganegara, perlu dipastikan bahawa orang itu bersedia untuk taat setia kepada negara ini. Dan adakah Perdana Menteri sedar bahawa terdapat pendaatang-pendaatang dari negara-negara asing yang begitu mudah mendapat kerakyatan dan pada mulanya mendapat taraf sebagai penduduk yang tetap di negara ini dan kemudian mendapat kerakyatan selepas itu. Adakah Perdana Menteri sedar mengenai kejadian-kejadian yang berlaku di dalam perkara ini.

**Perdana Menteri:** Saya telah menjelaskan tentang soalan tambahan yang pertama iaitu berkenaan dengan taat setia. Saya telah menyebutkan tadi ada peruntukan di dalam Perlembagaan iaitu di Jadual Pertama tentang urusan mengangkat sumpah dalam mana perkara taat setia kepada negara ini ada disyaratkan.

Soalan tambahan yang lain itu adalah terkeluar daripada soalan yang asal dan saya minta notis.

#### MAS—PERKHIDMATAN FOKKER KEPADA BOEING 737

**9. Tuan Oo Gin Sun** (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada pihak MAS bercadang menukar perkhidmatan kapalterbang Fokker yang ada sekarang kepada Boeing 737, untuk perkhidmatan dalam Negeri Sabah, jika ya, bila.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini MAS sedang menggunakan kapalterbang jenis B737 dan juga F27 bagi perkhidmatan dalam negeri, termasuk perkhidmatan di Sabah dan Sarawak dan di antara Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung. Pihak Kerajaan dan MAS telahpun mengkaji dengan halus tentang keperluan menambah penerbangan-penerbangan di Sabah dan Sarawak dan juga tentang kelengkapan Lapanganterbang, dan telah membuat keputusan untuk memperbaiki dan juga membesarkan lapangan-lapangan terbang yang berkenaan di Sabah dan Sarawak. Dengan perubahan dan pembesaran lapangan terbang itu maka dapatlah MAS menggunakan kapalterbang jenis lebih besar daripada F27 seperti kapalterbang jenis B737.

Tentang penerbangan dalam Negeri Sabah, pihak MAS bercadang untuk mengadakan perkhidmatan kapalterbang jenis B737 ke

Labuan dalam bulan April, 1980, ke Tawau pada bulan April, 1981, dan ke Sandakan di jangka dalam bulan April, 1983, tetapi ini bergantunglah kepada keadaan Lapanganterbang itu sama ada dapat disiapkan sebelum penerbangan-penerbangan itu dapat dilancarkan.

## KAMPUNG BARU

**10. Tuan Au How Cheong** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapa Kampung Baru berbilang-kaum telah dirancang dan dilaksanakan setakat ini.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di-Pertua, maksud "Kampung Baru" di dalam soalan Ahli Yang Berhormat adalah agak kurang jelas. Untuk makluman Yang Berhormat, semasa negara kita menghadapi darurat (1948-1960) dahulu, pihak pemerintah pada masa itu telah mengambil beberapa tindakan tertentu dari aspek keselamatan sebagai strategi menentang ancaman dan pergerakan anasir-anasir komunis. Satu daripada strategi tersebut adalah dengan menempatkan semula penduduk-penduduk. Penempatan penduduk-penduduk itu adalah melibatkan kebanyakannya setinggan-setinggan yang tinggal di pinggir hutan, serta di kawasan-kawasan pedalaman yang lain ke kawasan tertentu yang kemudiannya dikenal dengan nama kampung-kampung baru. Kebanyakan daripada mereka itu terdiri dari keturunan orang Cina, tetapi ada juga sebilangan kecil dari keturunan orang Melayu, India dan Thai.

Di Semenanjung Malaysia ada sebanyak 465 buah kampung-kampung baru dan menurut banci penduduk tahun 1970 ada lebihkurang 1 juta penduduk. Dari jumlah 1 juta penduduk itu ada terdapat 18.7% penduduk Melayu, 77.6% dari golongan Cina dan 3.7% dari golongan India dan lain-lain.

Mengenai rancangan untuk menyatupadukan penduduk-penduduk kampung-kampung baru ini supaya ia benar-benar menggambarkan perseimbangan kaum di negara kita, adalah hasrat dan cita-cita Kementerian saya dan pihak Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan untuk berbuat demikian. Satu kajian secara mendalam mengenai masalah kampung-kampung baru telahpun dijalankan oleh

Kementerian ini dengan kerjasama Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain pada tahun 1977, dan syor-syor untuk memperbaiki keadaan di kampung-kampung baru telahpun dibuat dan masih di dalam pertimbangan Kerajaan.

Namun demikian, kejayaan bagi mencapai hasrat dan cita-cita ini adalah tertakluk kepada senang atau sukarnya mendapatkan tanah disekeliling kampung-kampung baru tersebut, kepada kemampuan Kerajaan-kerajaan Negeri yang terlibat dari segi kewangan dan juga kesanggupan tiap-tiap seorang rakyat yang terlibat di dalam proses perubahan untuk mencapai objektif perpaduan negara.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa satu kajian mendalam mengenai masalah-masalah yang dialami oleh kampung-kampung baru telahpun dijalankan oleh Kerajaan. Di sini suka saya bertanya sama ada Kerajaan bercadang untuk mengumumkan syor-syor daripada kajian itu dan juga adakah Kerajaan bercadang untuk menambahkan peruntukan untuk pembangunan kampung-kampung baru di bawah Rancangan Malaysia Keempat memandangkan bahawa peruntukan sejumlah \$19 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketiga adalah tidak cukup.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah dinyatakan tadi bahawa Jawatankuasa itu sedang mengkaji dan syor-syor itu dipersetujukan. Walau macam manapun rancangan-rancangan mengenai dengan kampung-kampung baru di mana hendak mencerminkan penduduknya Melaka, Perak, Negeri Sembilan dan Selangor telahpun ada rancangan-rancangan mengenai dengan syor-syor Jawatankuasa itu.

Mengenai dengan tambahan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Keempat, ini belum sampai tempohnya lagi. Itu terpulangnya kepada Kerajaan bagi melihatkan syor-syor yang dicadangkan kepada Kerajaan tetapi walau bagaimanapun memanglah Kerajaan mengambil perhatian berat kepada kampung-kampung baru.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada kampung baru yang dimaksudkan itu kalau tidak salah saya termasuk Kampung Bharu di Kuala Lumpur, kerana kalau tidak salah dalam ingatan saya bahawa Kampung Bharu

itu juga adalah hasil daripada pemindahan darurat dahulu. Jadi, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dapat menjelaskan apakah rancangan-rancangan tertentu yang telah disusun oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ke atas Kampung Bharu di Kuala Lumpur ini, dan jika ada, apakah nama rancangan itu dan berapa peruntukannya?

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya Ahli Yang Berhormat itu mendengar dengan teliti jawapan saya iaitu kampung-kampung baru yang diwujudkan dalam masa darurat 1948-1960 dahulu. Kampung Bharu di Kuala Lumpur bukan termasuk kampung-kampung baru yang telah diwujudkan dalam masa darurat, dan tidak kena mengena langsung dengan soalan asal.

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan saya adalah berasalkan daripada buku Rancangan Malaysia Ketiga. Saya tidak ada buku Rancangan Malaysia Ketiga di tangan saya tetapi saya mintalah Yang Berhormat percaya dengan saya bahawa ayat itu adalah daripada buku Rancangan Malaysia Ketiga bahawa Kerajaan adalah berhasrat untuk mewujudkan kampung-kampung baru berbilang kaum. Saya ingin hendak bertanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar atau tidak terdapat dasar-dasar itu dan sama ada Kementerian beliau akan melaksanakannya?

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar-benarlah buku Rancangan Malaysia Ketiga, Bab yang pertama mengenai dengan matlamat perpaduan negara, telah dihuraikan secara detail segala rancangan-rancangan yang melibatkan perpaduan penduduk-penduduk di kampung-kampung baru perlu dilaksanakan menurut prinsip-prinsip yang dicatitkan dalam dokumen tersebut.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, adakah benar bahawa sekarang peruntukan Kementerian berkenaan untuk kampung-kampung baru ditentukan oleh Jawatankuasa Tertinggi MCA yang ada diumumkan baru-baru ini oleh seorang pemimpin MCA dan bukan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, itu tidak benar.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan bahawa apakah sebabnya masih ada 3 buah kampung baru di Kuching masih dipagarkan dengan double fencing, juga ada spot light dan juga mereka tidak diizinkan keluar masuk dengan secara bebas dan mereka juga tidak diizinkan dengan memohon paspot antarabangsa. Apakah perbezaan kampung-kampung baru yang ada di Kuching dengan di Semenanjung Malaysia kerana mereka juga adalah dipanggil kampung baru dan juga hasil daripada darurat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini lain sekali daripada soalan asal. Tidak payah dijawab.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sedar bahawa Kampung Bahru di Kuala Lumpur inipun didirikan akibat daripada kejadian darurat itu ataupun . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti! Ini kampung baru mana?

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Kampung Bahru di Kuala Lumpur.

**Tuan Yang di-Pertua:** Di antara Jalan Hale dengan Jalan Gurney?

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah katakan itu tidak termasuk, tak usahlah bangkitkan lagi.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Bukan, kerana saya kata tadi adakah beliau sedar perkara itu kerana beliau mengatakan bahawa itu bukan ditubuhkan zaman darurat. Sebab itu saya ingin bertanya, adakah beliau sedar bahawa kampung itu ditubuh akibat daripada darurat atau beliau tidak tahu sejarahnya.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar, bukan saya tak sedar, sebab Kampung Bahru di Kuala Lumpur ini tidak termasuk dalam kampung baru yang berjumlah 465 buah. Bila ia tidak termasuk, itu bermakna terkeluar daripada apa yang dinamakan "kampung baru", cuma kampung

itu dinamakan "Kampung Bahru", iaitu kampung baru yang bukan masa darurat, itu dinamakan "Kampung Bahru" (*Ketawa*). Ada juga kampung baru yang ditubuhkan dinamakan "kampung baru" tetapi baru ditubuhkan, ada juga. Itulah perbandingannya, kampung baru ditubuhkan bukan masa darurat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi "baru" nisbah Kuala Lumpur. Cukuplah!

### FAR EASTERN FREIGHT CONFERENCE (FEFC)—KADAR TAMBANG

**11. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan bagi menentang kenaikan tambang freight yang telah ditetapkan di persidangan Eastern Freight Conference baru-baru ini.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah memandang berat tindakan Far Eastern Freight Conference (FEFC) menaikkan kadar tambang sebanyak 8% mulai daripada 1hb April, 1979 oleh kerana ini akan memberi kesan yang buruk ke atas keupayaan eksport kita bertanding di pasaran luar negeri.

Beberapa langkah telah dan sedang diambil untuk menentukan supaya eksport kita tidak akan terjejas oleh sebab kenaikan tambang itu. Perundingan telah diadakan dengan FEFC melalui Majlis Pengguna Kapal Kebangsaan Malaysia dan juga melalui Persekutuan Majlis Pengguna Kapal ASEAN di mana kenaikan 8% itu telah ditentang. Hasil daripada rundingan ini pihak FEFC telah menangguk kenaikan tersebut selama satu bulan dan bersetuju menghapuskan Suez surcharge sebanyak 0.4% yang dikenakan berikutan dengan penutupan Terusan Suez pada tahun 1967. Kedua-dua langkah ini telah mengurangkan kenaikan tambang yang sebenarnya kepada 6.5%. Kerajaan juga telah mengambil langkah jangka panjang untuk mengurangkan penggantungan terhadap FEFC dengan menggalakkan pengeksporth-pengeksporth kita menggunakan kapal-kapal bukan Conference dan juga mengadakan kontrak bagi mengangkut barang-barang bulk supaya dapat mengurangkan kadar tambang kapal. Satu contoh bagaimana pengangkutan cara kontrak telah berjaya ialah kontrak

yang telah ditandatangani di antara pengeksporth-pengeksporth kelapa sawit dengan tuannya-tuannya kapal tangki yang telah berjaya menghasilkan tambang kapal yang memuaskan.

Jawatankuasa Tambang Perusahaan Getah Malaysia (FRIM) telah juga menandatangani perjanjian berasingan (separate merchant agreement) dengan FEFC bagi mengangkut getah kita ke Eropah dengan kadar tambang yang berkurangan. FRIM sedang juga meninjau kemungkinan mendapatkan syarikat-syarikat perkapalan dari Negeri China dan juga Soviet Union bagi mengangkut getah kita ke Eropah dengan kadar tambang yang lebih rendah dari FEFC dalam usahanya untuk mengurangkan penggantungan kita terhadap kapal-kapal kepunyaan FEFC.

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia sedang juga mengkaji kemungkinan mengangkut kayu-kayu dengan secara bulk dengan menggunakan kapal-kapal yang dicharter dengan tujuan untuk mengurangkan kadar tambang dan jika ini didapati menguntungkan lain-lain kargo juga akan dimasukkan ke dalam operasi ini.

Selain daripada langkah-langkah di atas, permohonan telah juga dibuat dari semasa ke semasa bagi mendapatkan kadar tambang penggalakan (promotional freight rate) dan juga kadar istimewa bagi kargo-kargo yang menghadapi kesulitan hasil daripada kenaikan tambang sebanyak 8% itu.

Kerajaan juga menyokong cadangan untuk menubuhkan satu perkumpulan perkapalan di antara syarikat-syarikat perkapalan negara-negara ASEAN untuk memenuhi kehendak dagangan ASEAN dengan Eropah. Perkumpulan perkapalan ini akan dapat memenuhi kehendak tertentu pengeksporth-pengeksporth ASEAN dengan kadar tambang yang lebih rendah dari yang dikenakan oleh FEFC.

### PENDAKWAH ISLAM KE INDIA

**12. Puan Shariffah Dorah binti Mohamed** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Jabatan beliau sedar bahawa semasa cuti sekolah ramai pendakwah-pendakwah Islam pergi ke India untuk menghadiri kursus dan apabila mereka pulang mereka menyebarkan

dakwah-dakwah yang ekstrimis; jika ya, nyatakan pengawasan yang diambil dan tindakan yang akan dijalankan terhadap diayah yang banyak melahirkan gejala-gejala yang kurang sihat.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, suka saya memberi jawapan kepada soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu bahawa memang ada pendakwah-pendakwah Islam yang pergi ke India semasa cuti penggal kedua sekolah yang lalu untuk tujuan yang tertentu. Walau bagaimanapun, Kerajaan adalah sentiasa mengawasi golongan yang keterlaluan termasuk orang-orang yang menyampaikan dakwah songsang atau lebih tepat lagi pendiyah-pendiyah yang semata-mata mencari kepentingan diri sendiri. Undang-undang pentadbiran agama negeri ada memperuntukkan hukuman bagi pendiyah-pendiyah ini malah adalah menjadi kesalahan dari segi undang-undang bagi orang-orang yang berdakwah atau berdiayah tanpa mendapat tauliah atau keizinan dari Jabatan Agama Negeri.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, sekejap tadi Yang Berhormat Menteri berkenaan mengatakan bahawa adanya pendakwah-pendakwah tempatan ke India dalam masa cuti penggal kedua persekolahan tahun 1979. Saya ingin tahu sama ada daripada kumpulan orang-orang yang pergi ke India itu terdapat daripada guru-guru dan, kalau ada, adakah di antara mereka ini setelah kembalinya daripada India tersebut membawa kesan yang tidak baik kepada sekolah-sekolah yang berkenaan.

**Dato Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, ada didapati sebilangan kecil daripada guru-guru tetapi yang ramainya daripada orang-orang yang tidak pernah menjadi guru-guru agama. Walau bagaimanapun, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam telah menubuhkan satu Jawatankuasa pada 17hb Ogos, 1977 untuk mengkaji gerakan tabligh India di negeri ini bagi membuat syor-syor kepada Majlis supaya dapat diambil apa-apa keputusan mengenai-nya. Jawatankuasa mengkaji gerakan tabligh India ini telah bersidang 4 kali dan dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Islam, Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri telah dapat menyediakan satu laporan untuk dikemukakan kepada Majlis Kebangsaan. Kertas

Kerja yang tersebut telah diperbaiki dan diperkemaskan untuk dikemukakan kepada Majlis Kebangsaan yang akan datang. Orang-orang yang kembali dari kursus tabligh di India itu memanglah bila mereka datang balik ke Malaysia ini menjalankan dakwah-dakwah mengenai agama Islam yang kadang-kadangnya memberi satu keterangan yang sempit, pada halnya agama Islam kita luas, meliputi pembangunan rohaniah dan pembangunan jasmaniah.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebenarnya pendakwah-pendakwah ini merupakan orang yang akan menyebarkan ajaran Ugama Islam. Jadi apakah pihak Yang Berhormat Menteri atau pihak Kerajaan bercadang untuk mengeluarkan tauliah kepada pendakwah-pendakwah yang akan menjalankan usahanya bagi penyiaran agama supaya jangan terkeliru dengan pendakwah-pendakwah yang salah ataupun pendakwah yang disebutkan itu.

**Dato Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, memang sudah ada undang-undang di tiap-tiap negeri, barang siapa yang hendak mengajar Ugama Islam mereka terlebih dahulu mendapat keizinan dan surat tauliah daripada Majlis Ugama Islam dan orang-orang ini akan diperiksa terlebih dahulu.

Mengenai usuluddin dan perkara-perkara ilmu-ilmu yang lain-lain lagi yang berkait dengan Ugama Islam, saya rasa undang-undang yang ada di negeri ini sudah cukup memberi protection supaya tidak berlaku dakwah-dakwah yang tidak betul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Shaari bin Jusoh.

**Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 13.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang menjadi soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Parit.

#### MAS—HAK MENDARAT

13. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pengangkutan menyatakan tindakan yang akan diambil oleh Kementerian beliau mengenai

hak-hak mendarat yang telah lama diperolehi dari sesebuah negara tetapi belum lagi digunakan oleh MAS dan berapa lamakah hak-hak mendarat ini sah dipakai.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, hak-hak mendarat dirundingkan oleh sesebuah negara berasaskan rancangan-rancangan perkhidmatan sekarang dan masa depan mereka. Yang demikian hak-hak mendarat yang diperolehi tidaklah semestinya digunakan dengan sertamerta; bahkan hak-hak ini boleh dimasukkan dalam rancangan-rancangan pembangunan pihak MAS di masa-masa akan datang. Hak-hak mendarat ini adalah sah selagi perjanjian-perjanjian perkhidmatan udara dengan negara-negara yang berkenaan tidak dibatalkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr Chen Man Hin.

**Tuan Fung Ket Wing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 14.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang menjadi soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Sandakan.

#### KENAIKAN YURAN PELAJAR DI UNITED KINGDOM/AUSTRALIA

**14. Tuan Fung Ket Wing** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau telah membantah dengan kerasnya terhadap kenaikan yuran tidak perlu kepada pelajar-pelajar kita di United Kingdom dan Australia yang dilakukan dengan tiba-tiba yang mana kenaikan tersebut telah mendatangkan kesusahan teruk kepada pelajar-pelajar kita dan di dalam beberapa kes mereka terpaksa meninggalkan pelajaran mereka, dan sama ada beliau bercadang untuk mensubsidikan pelajar-pelajar yang miskin itu ataupun melancarkan satu tabung biasiswa pusingan untuk membantu mereka.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Speaker, jawapan kepada pertanyaan ini telahpun diberi oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran semasa menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling pada 11-10-79.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan P. Patto.

**Tuan Wong Hoong Keat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 15.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang menjadi soalan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

#### PELAJARAN BAHASA MALAYSIA DI SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN CINA/TAMIL

**15. Tuan Wong Hoong Keat** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah rancangan-rancangan Kerajaan mempunyai untuk menentukan kadar kegagalan dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil tidak melebihi 25% tanpa merendahkan taraf Bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua di sekolah-sekolah tersebut dan sama ada beliau akan menimbang untuk melantik seorang Timbalan Pengarah Pelajaran khusus untuk bertanggungjawab ke atas sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Speaker, Kementerian Pelajaran telahpun dan sedang mengambil langkah-langkah berikut untuk memperbaiki pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan (Tamil):

- (i) Menambahkan lagi bilangan guru-guru yang terlatih dan mempunyai kelayakan yang sesuai dalam Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil.
- (ii) Selain daripada itu Kementerian saya juga mengambil langkah-langkah untuk memberi latihan semasa cuti kepada guru-guru sementara Bahasa Malaysia yang berkelayakan dan berpengalaman di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil). Kursus PPAK ini memakan masa selama tiga tahun dan dimulakan semenjak tahun 1975. Langkah-langkah ini didapati telah meningkatkan lagi mutu pengajaran Bahasa Malaysia di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil.
- (iii) Di tiap-tiap negeri melalui pegawai-pegawai Bahasa, Kementerian saya sedang mempergiatkan lagi usaha-usaha

memberi nasihat ikhtisas kepada guru-guru Bahasa Malaysia di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil. Dengan khidmat mereka dan lawatan-lawatan ke sekolah berkenaan oleh pihak Nazir dan Pengelola Sekolah, tindakan yang perlu akan diambil untuk meninggikan taraf mutu pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Malaysia.

Di sini saya ingin mengingatkan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, bahawa tanpa kerjasama dan galakan daripada semua pihak yang berkenaan, segala usaha-usaha untuk meninggikan taraf Bahasa Malaysia tidak akan mendapat kejayaan sepenuhnya.

Dengan mengadakan Yunit Bahasa di tiap-tiap Jabatan Pelajaran Negeri, saya merasa tidak perlu melantik seorang Timbalan Pengerah Pelajaran khusus untuk bertanggungjawab ke atas Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil. Tugas dan bidang kuasa pegawai-pegawai Bahasa di Pejabat Pelajaran adalah mencukupi untuk menguruskan dan mengawal pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah itu.

**Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Timbalan Menteri sama ada benar salah satu sebab di Sekolah-sekolah Rendah Cina dan Sekolah-sekolah Rendah Tamil murid-murid yang kurang minat di dalam Bahasa Malaysia oleh kerana guru-guru yang mengajar Bahasa Malaysia tidak boleh menjelaskan di dalam bahasa Tionghua atau di dalam bahasa Tamil apabila ada soalan-soalan atau masalah-masalah yang timbul di masa mengajar murid-murid tidak berapa faham di dalam Bahasa Malaysia. Jikalau benar adakah Kementerian Pelajaran bercadang untuk mengadakan guru-guru yang mengajar Bahasa Malaysia yang boleh memahami bahasa Tionghua dan bahasa Tamil.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Speaker, barangkali agak sukar bagi mendapatkan seorang guru yang mengajar Bahasa Malaysia dan juga tahu untuk menterjemahkan di dalam kedua-dua bahasa tersebut iaitu bahasa Cina dan bahasa Tamil. Jadi masih menjadi satu perbincangan yang mana untuk guru-guru yang mengajar Bahasa Malaysia itu samada guru sahabat Melayu atau sahabat Cina mana satu yang baik. Ini masih menjadi

satu perbincangan. Walau bagaimanapun barangkali—tidak dinafikan, ada sebab-sebab yang tertentu. Walau bagaimanapun kita akan menimbangkan perkara ini dan juga yang mana boleh kita akan menggalakkan supaya bila seseorang murid tidak berapa faham dari segi terjemahan ataupun menerangkan satu-satu perkara di dalam Bahasa Malaysia guru itu boleh menerangkan dalam satu bahasa yang mana murid itu boleh faham. Tetapi untuk mempelajari satu bahasa, kalau tidak silap saya tentulah ini jadi kebenaran juga iaitu kalau guru itu boleh bercakap dalam bahasa itu sahaja barangkali akan memberi galakan kepada murid itu untuk belajar dan keadaan juga memaksa murid itu bercakap atau bertutur dengan bahasa itu sahaja.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa di Kementerian Pelajaran terdapat satu yunit iaitu ETRD Bahagian Penyelidikan. Saya hendak tahu adakah hasil daripada Yunit Penyelidikan ini ataupun daripada kesedaran daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri bahawa salah satu sebab kelemahan murid-murid sekolah yang berkenaan dalam Bahasa Malaysia ini ialah kerana sikap murid-murid sendiri terhadap Bahasa Malaysia. Kalau sedar, apakah langkah-langkah yang patut diambil oleh Kementerian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini "kalau-kalau", tak dibenarkan di bawah Peraturan Mesyuarat 23 (1) (h).

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya kepada Timbalan Menteri berkenaan sama ada salah satu sebab kenapa timbulnya kelemahan murid-murid Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil di dalam Bahasa Malaysia kerana sikap murid-murid itu sendiri terhadap Bahasa Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu boleh.

**Dato' Chan Siang Sun:** Masih belum dapat jelas lagi sikap itu.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Timbalan Menteri apakah benar kerendahan mutu Bahasa Malaysia di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil itu disebabkan oleh tidak dapat galakan yang

sepatutnya daripada ibubapa mereka untuk menggunakan Bahasa Malaysia dan apakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan minggu bahasa atau bulan Bahasa Malaysia di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan itu bagi menggalakkan murid-murid menggunakan dan memahami Bahasa Malaysia dengan sepatutnya?

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada galakan dan juga memang ada aktiviti berkenaan dengan apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi semacam di negeri Selangor sahaja dari inisiatif Persatuan Guru-guru kita pun ada menganjurkan kempen Bahasa Malaysia di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan. Jadi inisiatif ini bukan dipimpin cuma oleh Jabatan Pelajaran Negeri tetapi Persatuan Guru-guru melalui PIBG dan sebagainya mereka pun boleh menganjurkan kempen semacam itu. Jadi, memang daripada Jabatan Pelajaran Negeri ataupun daripada Kementerian kita memang selalu menggalakkan kempen semacam itu.

**Tuan P. Patto:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar salah satu sebab kadar kegagalan dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil ialah kerana kekurangan guru-guru terlatih untuk mengajar Bahasa Malaysia menjadi satu mata-pelajaran sebagai bahasa kedua (second language). Adakah itu benar?

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, barangkali Ahli Yang Berhormat tadi lewat masuk Dewan. Saya sudah jawab soal asal tadi iaitu kita bukan sahaja sudah ada, tetapi menambah lagi guru-guru terlatih.

**Tuan P. Patto:** Saya maksudkan sebagai second language.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sudah ada. Apa hendak tanya lagi sebab sudah dijawab. Ahli Yang Berhormat belum datang lagi tadi. Apakah yang hendak dibahaskan lagi.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:** Soalan tambahan. Adakah kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam matapelajaran Bahasa Malaysia di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil dan Cina terdapat di semua negeri-negeri di Semenanjung

Malaysia atau beberapa buah negeri sahaja, sebab setahu saya kelemahan Bahasa Malaysia di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, khususnya di Kelantan tidak begitu buruk sangat?

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, benar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 hingga 22 adalah diberi di bawah ini).*

### KERTAS PEPERIKSAAN PENGETAHUAN UGAMA ISLAM

**16. Tuan Haji Mohamed bin Haji Ali** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mewajibkan pelajar-pelajar yang beragama Islam di Negara ini mengambil kertas Pengetahuan Ugama Islam di dalam Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Pelajaran Malaysia; jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun):** Ya. Kementerian saya memang bercadang hendak mewajibkan pelajar-pelajar yang beragama Islam di negara ini mengambil kertas Pengetahuan Ugama Islam di dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Pelajaran Malaysia. Ini adalah selaras dengan perakuan yang dibuat oleh Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran.

### PERMIT TEKSI/LORI

**17. Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan berapakah banyak permit-permit lori dan lesen teksi telah diberi kepada bumiputra dan bukan bumiputra semenjak 1hb. Januari, 1979 dan nyatakan angka pecahan mengikut kelas permit lori yang telah diberi semenjak 1-1-1979 kepada bumiputra dan bukan bumiputra.

**Menteri Perusahaan Utama (Dato Paul Leong Khee Seong):** Jumlah lesen-lesen teksi yang telah diluluskan pada tahun 1979 iaitu mulai 1-1-1979 hingga 30-9-1979 ialah sebanyak 714 buah. Dari jumlah ini sebanyak 636 buah diluluskan kepada bumiputra dan 77 buah kepada bukan bumiputra.

Bagi permit-permit lori pula jumlah permohonan yang telah diluluskan di sepanjang tahun ini iaitu mulai 1-1-1979 hingga 30-9-1979 ialah sebanyak 1,955 buah untuk permit jenis A. Dari jumlah ini sebanyak 1,415 buah diluluskan kepada bumiputra, 125 buah diluluskan kepada bukan bumiputra dan 226 buah diluluskan kepada campuran dan 189 buah diluluskan kepada Badan-badan Berkanun.

Bagi permit-permit Kelas "C" pula sebanyak 3,575 buah telah diluluskan. Dari jumlah ini sebanyak 2,807 buah diluluskan kepada bukan bumiputra. 349 buah kepada bumiputra, 258 buah kepada campuran dan 161 kepada Badan-badan Berkanun.

#### PASPOT ANTARABANGSA—UJIAN BAHASA MALAYSIA TERHADAP PEMOHON

**18. Tuan Lim Cho Hock** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa Pemuda-pemuda UMNO dan Pengarah Imigeresen Tuan Haji Mohamed Amir Yaakub telah menyatakan bahawa Kerajaan akan mengenakan satu ujian Bahasa Malaysia untuk pemohon-pemohon Paspot Antarabangsa dan perkara ini menimbulkan rasa tidak senang kepada orang ramai, jika sedar, adakah beliau menyatakan bahawa gerakan ini adalah menentang kebebasan hak asasi seorang warganegara yang dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shaffie):** Saya telahpun memberi jawapan kepada soalan yang serupa ini pada 8hb Oktober, 1979.

#### MINYAK—KEKURANGAN

**19. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada krisis minyak berlaku sekarang ini disebabkan kekurangan minyak atau perbuatan songlap oleh pihak-pihak yang tertentu, yang menyebabkan rakyat menanggung beban kesusahan dalam semua bidang kehidupan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar):** Yang Berhormat

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian telahpun menjawab soalan yang serupa dari Ahli Yang Berhormat dari Kluang pada 19-10-79 dan saya tidak ada apa-apa tambahan ke atas jawapan tersebut.

#### BIRO PENGADUAN AWAM—ADUAN

**20. Dr Hee Tien Lai** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan kes-kes yang dibawa kepada perhatian Lembaga Pengaduan Awam dalam tahun 1971, 1972, 1973, 1974, 1975, 1976, 1977, 1978 dan sehingga bulan September, 1979 dan berapa banyak aduan-aduan ini yang diberi perhatian dan diselesaikan.

**Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf):** Sejak bulan Ogos, 1971 hingga September, 1979 Biro Pengaduan Awam telah menerima 28,135 aduan. Daripada jumlah tersebut 20,156 daripadanya telah diberi perhatian dan seterusnya diambil tindakan penyelesaian. Sementara 7,979 aduan tidak dapat dilayankan oleh Biro memandangkan aduan-aduan tersebut nya tidak tulin ataupun aduan-aduan mengenai perkara-perkara yang terkeluar daripada bidangkuasa Biro.

#### PATONG BESAR "KUAN YIN" DI PULAU PINANG—PEMBINAAN

**21. Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa sebuah patong besar yang diberi nama Kuan Yin telah dibina di Air Itam, Pulau Pinang, dan pembinaan patong ini telah membangkitkan kemarahan umat Islam Pulau Pinang kerana ianya terlalu besar dan tinggi sehingga menjejaskan syiar Islam di negeri itu.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Jawapan kepada soalan yang hampir sama telahpun saya berikan semasa menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok pada 22hb Oktober, 1979. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

#### BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH-SEKOLAH—TARAF

**22. Tuan Karpal Singh** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan ingin meningkatkan taraf Bahasa Ingeris di sekolah-sekolah memandangkan taraf Bahasa Ingeris di sekolah-sekolah telah merosot, dan

selain daripada mengupah 200 guru-guru British untuk mengajar guru-guru tempatan dalam teknik-teknik pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua, apakah langkah-langkah positif yang telah dan sedang diambil untuk menentukan mutu dan taraf Bahasa Inggeris tidak akan terus merosot.

**Dato' Chan Siang Sun:** Saya tidak bercadang untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat kerana jawapan yang sama telah saya beri sewaktu menjawab soalan oleh:

1. Yang Berhormat dari Menglembu pada 13-6-1979.
2. Yang Berhormat dari Pasir Mas pada 13-6-1979.
3. Yang Berhormat dari Tanah Merah pada 20-6-1979.
4. Yang Berhormat sendiri pada 26-6-1979.

Yang Berhormat bolehlah merujuk kembali kepada jawapan-jawapan saya pada hari-hari tersebut.

## USUL UNTUK MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG AHLI PERSENDIRIAN

### AKTA PERHUBUNGAN PERUSAHAAN (PINDAAN) 1979

3.35 ptg.

**Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Dewan ini adalah menurut Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat 49 (1) mengizinkan saya mengemukakan satu Rang Undang-undang Ahli Persendirian yang bernama Akta Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 1979 untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan 1967 bagi memperuntukkan:

- (a) sebuah Tribunal Rayuan Buruh (Labour Appellate Tribunal) hendaklah ditubuhkan untuk menyelesaikan segala perselisihan yang berpunca daripada award yang dibuat oleh Mahkamah Perusahaan baik dari segi undang-undang ataupun dari segi faktanya dalam tempoh satu bulan selepas award ini diberikan;

- (b) hukuman yang dikenakan atas ketidak-patuhan (non-compliance) ini hendaklah dinaikkan dari maksimumnya ke \$10,000 atau penjara 2 tahun atau kedua-duanya dijalankan sama sekali dan hukuman denda setiap hari yang dikenakan atas non-compliance ini ialah \$5,000 sehari;

- (c) segala award yang diberikan oleh Mahkamah Perusahaan ini hendaklah dilaksanakan dengan segera tanpa apa-apa tundaan, jika sekiranya ianya perlu dirayukan, maka rayuan ini hendaklah dibuat dalam masa satu bulan dan deposit yang sejumlah dengan hukuman ini perlu dipertaruhkan;

- (d) Mahkamah Perusahaan adalah diberikan kuasa semula untuk memutuskan pengiktirafan (recognition) atas tuntutan dari pihak pekerja untuk memohon menubuhkan kesatuan sekerjanya, tetapi kuasa pemutusan atas tuntutan pengiktirafan ini tidak seharusnya diberikan kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat.

Tuan Speaker, menurut Bahagian Ke 3, Akta Perhubungan Perusahaan 1967, di bawah tajuk “Recognition of Trade Union” ini, Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat adalah berhak mutlak untuk memutuskan nasib tuntutan pengiktirafan, dan hak keputusan Menteri ini tidak boleh dicabar oleh mana-mana satu mahkamah kerana ianya adalah merupakan satu hak dan keputusan yang muktamad. Saya merasa terperanjat untuk melihat bahawa apakah sebabnya kuasa dan hak yang sebenarnya diamanahkan kepada Mahkamah Perusahaan sebelum Darurat 1969 ini telah dipindahkan untuk diserahkan kepada seorang Menteri sahaja? Nampaknya, pemindahan kuasa ini adalah memperlihatkan hasrat Kerajaan untuk merampaskan kedudukan neutral dan impartial Mahkamah Perusahaan. Jika sekiranya Kerajaan ingin sekali menjunjung tinggi taraf sosial-ekonomi kaum pekerja dan mahu mewujudkan sebuah sistem perhubungan perusahaan yang sihat dan adil, maka saya adalah mencadangkan bahawa kuasa Mahkamah Perusahaan atas pengiktirafan perlu dipulihkan, iaitu Fasal 8 ini hendaklah dipinda dan memindahkan kuasa atas tuntutan pengiktirafan ini ke Mahkamah Perusahaan sebagai badan yang tersendiri dan

diketahui oleh orang-orang yang lebih berkecayaan untuk memutuskan segala tuntutan pengiktirafan supaya kepercayaan dan keyakinan daripada pihak kaum pekerja dan pihak majikan dapat dipulihkan.

Tuan Speaker, menurut Fasal 29 (3) (a) dan (b), Akta Perhubungan Perusahaan 1967, bahawa award yang dijatuhkan oleh Mahkamah Perusahaan ini adalah merupakan satu keputusan yang muktamad dan tidak boleh dicabar di mana-mana satu mahkamah, tapi ianya boleh dirayukan kepada Mahkamah Tinggi, Mahkamah Persekutuan dan Privy Council dari segi undang-undang dan faktanya (on points of law and facts). Itulah sebabnya sejak tahun 1971 hingga bulan Jun 1979 ini 24 award daripada 334 kes yang dibicarakan di Mahkamah Perusahaan ini telah dicabar di Mahkamah Tinggi, ianya terlibat 554 orang pekerja, 2 daripada 24 kes ini telah dirujuk kepada Mahkamah Persekutuan dan 1 kes dirujuk hingga ke Privy Council.

Tuan Speaker, tujuan utama bagi saya mencadangkan pindaan atas Seksyen 29 (3) (a) dan (b) ini ialah supaya kes-kes pembuangan kerja, retrenchment dan lain-lain bentuk perselisihan perusahaan (industrial disputes) yang dirujuk kepada perbicaraan Mahkamah Perusahaan tetapi masih tidak dapat mencapai penyelesaiannya, maka kes-kes ini bolehlah dirayukan kepada sebuah badan rayuan yang bernama Tribunal Rayuan Buruh, yang akan dipengerusikan oleh seorang yang berkelayakan dan berpangkat tidak kurang daripada seorang Hakim Mahkamah Tinggi. President Tribunal Rayuan Buruh ini boleh melantikkan dua orang "assessors".

Jika sekiranya segala award yang dijatuhkan oleh Mahkamah Perusahaan yang dikehendaki dirayukan atas fakta dan undang-undangnya (on points of law and facts) maka rayuan ini perlulah dibuat dalam tempoh satu bulan sahaja kepada Tribunal. Ini adalah sangat mustahak untuk melindungi kepentingan kaum pekerja supaya mereka tidak lagi dijadikan mangsa atau dianiyai dengan taktik dan strategi pihak majikan yang selalu cuba memanjang-manjangkan kes ini supaya dengan masa yang panjang, pihak pekerja dapat disabotaj dan dibinasakan dari segi kewangan, kehidupan dalam tempoh mereka terlibat dalam perselisihan. Amalan dan undang-undang yang ada sekarang ini iaitu mengenai rayuan ini sebenarnya adalah tidak

adil kerana ianya boleh dibuat rayuan dalam masa 6 bulan, dengan masa yang sangat panjang. Maka saya adalah mencadangkan bahawa Fasal ini hendaklah dipinda supaya hak asasi kaum pekerja dalam rayuan ini boleh diperlindungi supaya kehidupan sosio-ekonomi mereka boleh dijaga.

Ini adalah merupakan satu langkah yang mustahak untuk mewujudkan sebuah konsep dan sistem perhubungan perusahaan yang adil, sihat dan bercorak demokrasi dapat ditegakkan di Malaysia supaya suasana keharmonian perhubungan perusahaan di Malaysia dapat diwujudkan.

Tuan Speaker, akhirnya saya suka menyentuh hukuman denda dan penjara yang dikenakan di bawah Seksyen 55, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 ini adalah terlalu rendah dan tidak membawakan apa-apa faedah dan efeknya, iaitu hukuman denda maksimumnya hanya \$2,000 sahaja atau penjara satu tahun! Umpamanya, hukuman denda \$200 hanya dijatuhkan oleh Mahkamah Perusahaan atas kes South Asia Fire Bricks kerana tidak mematuhi (non-compliance) award yang diberi oleh Mahkamah Perusahaan tetapi seramai 73 orang pekerjanya dikorbankan, kes ini telah memakan masa melebihi 5 tahun lamanya dalam proses rayuan tetapi masih belum diselesaikan. Sekarang dirayu di Privy Council, United Kingdom. Nampaknya ini adalah merupakan satu kelemahan yang sangat serius dalam Akta Perhubungan Perusahaan yang ada di Malaysia hari ini.

Sebagai langkah yang berkesan untuk memaksakan pihak majikan untuk mematuhi award yang dijunjung tinggi oleh Mahkamah Perusahaan, maka saya mencadangkan supaya Seksyen ini dapat dipindahkan dengan menaikkan hukuman seperti berikut:

- (a) Non-compliance: \$10,000.
- (b) Hukuman denda setiap hari bagi Non-compliance: \$5,000.
- (c) Penjara: 2 tahun atau kedua-duanya dijalankan sama sekali.

Tuan Speaker, Malaysia sebagai negara yang berpemerintahan undang-undang (rule of law) yang menjunjung tinggi taraf kaum pekerja sebagai partner yang berjasa terbesar dalam usaha pembinaan dan pembangunan negara kita, maka saya berharap supaya cadangan pindaan yang mustahak untuk menjadikan Akta Perhubungan Perusahaan

1967 sebagai Akta yang moden dan dapat mewujudkan sebuah konsep dan sistem perhubungan perusahaan yang adil, sihat dan bercorak "demokratik perusahaan" di Malaysia ini. Saya harap Dewan ini menyokong pindaan saya ini.

**Tuan Fung Ket Wing:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Menteri.

3.45 ptg.

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Ho Ung Hun):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menentang Usul Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, yang bercadang untuk mengemukakan satu Rang Undang-undang dari Ahli Persendirian yang bernama "Akta Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 1979" untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan, 1967. Rang Undang-undang yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah mengenai dua perkara iaitu Mahkamah Perusahaan dan Pengiktirafan Kesatuan Sekerja.

Menyentuh perkara yang pertama, saya perhatikan bahawa perhatian berat Ahli Yang Berhormat itu ialah terhadap kegagalan mematuhi keputusan-keputusan Mahkamah Perusahaan, kekurangan hukuman-hukuman yang dikenakan terhadap ketidak-patuhan itu dan perlunya ditubuhkan satu tribunal rayuan bagi mendengar serta menentukan rayuan-rayuan atas kedua-dua perkara sama ada perkara "facts" atau pun perkara Undang-undang, yang timbul daripada keputusan-keputusan Mahkamah Perusahaan.

Izinkan saya menyatakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa perkara-perkara ini semua adalah dipandang berat bukan sahaja oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, tetapi juga oleh pihak-pihak majikan-majikan pekerja-pekerja dan kesatuan sekerja masing-masing dan yang penting sekali oleh pihak Kerajaan sendiri.

Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, untuk menerangkan dengan ringkasnya perjalanan sistem perhubungan perusahaan kita supaya perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dapat dilihat dari sudut yang betul. Sebelum tahun 1965, Sistem

tersebut telah dilaksanakan dengan berasaskan kepada prinsip-prinsip sukarelaan, dengan sedikit penglibatan atau campurtangan dari pihak Kerajaan. Walau bagaimanapun, dengan pertumbuhan sosio-ekonomi yang pesat, beberapa peraturan-peraturan penting yang tertentu telah diperbuat dalam tahun 1965 untuk menempatkan sistem perhubungan perusahaan itu ke dalam satu rangka perundangan. Ini adalah merupakan langkah sementara kerana, pada 7hb Ogos, 1967, Akta Perhubungan Perusahaan telah diwujudkan. Ianya berterusan hingga sekarang sungguhpun pindaan-pindaan tertentu telah dibuat ke atas beberapa peruntukan-peruntukannya. Akta tersebut memberi peluang kepada kesatuan sekerja dan majikan atau pertubuhan mereka untuk berunding sesama sendiri bagi menentu dan mengaturkan gaji dan lain-lain syarat perkhidmatan. Dalam proses perundingan bersama seperti ini, seperti juga di dalam lain-lain aktiviti kemanusiaan, perbezaan dan pertikaian pasti timbul antara pihak-pihak yang berkenaan. Dalam keadaan sedemikian, pihak-pihak tersebut cuba mendapatkan bantuan Kerajaan untuk membantu mereka menyelesaikan pertikaian mereka. Yang demikian Kerajaan telah mendapati bahawa adalah berfaedah untuk mengadakan peruntukan-peruntukan di dalam Akta tersebut bagi membolehkan pegawai-pegawai Kementerian saya merundingkan (conciliate) pertikaian-pertikaian perusahaan itu, dan jika usaha tersebut tidak membawa kepada penyelesaian pertikaian tersebut dirujuk ke Mahkamah Perusahaan untuk diputuskan. Izinkan saya menambah di sini, Tuan Yang di-Pertua, majoriti pertikaian yang dilaporkan ke Kementerian saya telah dapat diselesaikan dengan secara runding damai oleh pegawai-pegawai Kementerian saya. Misalnya, dalam tahun 1978, pegawai-pegawai Kementerian saya telah mengendalikan sebanyak 616 pertikaian. Dari jumlah itu 85% telah diselesaikan melalui runding damai sementara yang lainnya dirujuk ke Mahkamah Perusahaan untuk diputuskan.

Sebagaimana yang telah saya nyatakan di awal tadi, di mana perundingan damai gagal untuk membantu pihak yang berkenaan menyelesaikan pertikaian mereka Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 memperuntukkan supaya pertikaian tersebut dirujuk ke Mahkamah Perusahaan untuk diputuskan, sama ada atas persetujuan kedua pihak yang bertikai ataupun arahan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat. Dalam

konteks ini, Mahkamah Perusahaan memainkan peranan penting sebagai penimbang-tara muktamad, dalam menyelesaikan dengan cepatnya pertikaian-pertikaian perusahaan dan dengan itu mengurangkan kesulitan yang dialami oleh pekerja-pekerja di samping mengelakkan pergelutan undang-undang yang berpanjangan dan memakan belanja yang tinggi, di antara kedua-dua pihak. Adalah jelas bahawa tujuan undang-undang ini ialah supaya pertikaian-pertikaian perusahaan, memandangkan keadaannya yang berlainan dengan pertikaian-pertikaian yang lain, hendaklah berakhir di Mahkamah Perusahaan dengan secara muktamad. Yang demikian, Mahkamah Perusahaan adalah merupakan sebahagian penting di dalam sistem perhubungan perusahaan. Sungguhpun begitu, pihak-pihak yang berkaitan dengan pertikaian itu, walaupun ianya "muktamad" sepertimana tujuan undang-undang ini, boleh membawa perkara ini dengan lebih jauh lagi di dalam Mahkamah Undang-undang dengan cara memohon "prerogative writs" terhadap keputusan Mahkamah Perusahaan itu. Dengan itu, sesuatu pertikaian yang diharapkan dapat "disemadikan" buat selama-lamanya setelah satu keputusan dibuat oleh Mahkamah Perusahaan, telah menjadi isu yang berpanjangan.

Perangkaan-perangkaan menunjukkan bahawa di antara tahun 1965 dan 1978, sebanyak 887 keputusan telah dibuat oleh Mahkamah Perusahaan. Dari jumlah ini, sebanyak 43 keputusan ataupun (4.9%) telah dicabar di Mahkamah Tinggi dengan cara ini. Dari jumlah keputusan-keputusan yang dibawa ke Mahkamah Tinggi, sebahagian besarnya, atau sebanyak 88% adalah oleh majikan-majikan dan baki 12% lagi oleh pekerja-pekerja. Sungguhpun di dalam majoriti kes-kes ini, pihak-pihak yang berkaitan tidak beroleh kejayaan, Mahkamah Tinggi setakat ini telah mengenyepikan sebanyak 14% kes-kes keputusan Mahkamah Perusahaan yang dibawa ke hadapan mereka.

Selanjutnya pihak majikan telah juga memohon kepada Mahkamah Tinggi "injunction" untuk menghalang Mahkamah Perusahaan dari membicarakan pertikaian-pertikaian yang dirujuk kepada mereka. Setakat ini 11 permohonan yang sedemikian telah dibuat dan terdapat juga satu permohonan dari pihak pekerja-pekerja. Dari jumlah ini, 7 permohonan gagal, 2 berjaya dan 3 masih menunggu keputusan. Sungguhpun cabaran-ca-

baran ini adalah di peringkat minima, namun demikian ia telah menimbulkan kesangsian di kalangan setengah-setengah masyarakat kita.

Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerima perwakilan-perwakilan daripada pihak majikan, pekerja, kesatuan sekerja, pertubuhan-pertubuhan majikan, majlis peguam dan lain-lain. Ini membuktikan bahawa perkara ini telah menimbulkan minat dan perhatian sebagaimana yang saya nyatakan tadi di kalangan setengah-setengah masyarakat kita. Pendapat dan pandangan telah juga dikemukakan di akhbar-akhbar, di dalam perjumpaan-perjumpaan dan seminar-seminar pertubuhan majikan dan pekerja. Terdapat mereka yang mencadangkan bahawa Mahkamah Perusahaan hendaklah tidak terkeluar daripada bidang kuasa Mahkamah Tinggi tetapi sebaliknya hendaklah menjadi sebahagian daripada sistem kehakiman kita. Cadangan ini akan melibatkan percantuman Mahkamah Perusahaan dengan kehakiman. Pihak-pihak yang lain mencadangkan suatu peraturan rayuan diadakan untuk menentukan rayuan di Mahkamah Tinggi terhadap keputusan-keputusan Mahkamah Perusahaan. Ini bererti mengadakan satu peruntukan tertentu di dalam Akta Perhubungan, 1967 bagi rayuan terhadap keputusan Mahkamah Perusahaan dibuat di Mahkamah Tinggi dan tindakan-tindakan seterusnya sebagaimana yang terdapat di dalam Akta Mahkamah Keadilan, 1964. Ada juga yang mencadangkan supaya satu badan rayuan ditubuhkan di dalam bidangkuasa Akta Perhubungan Perusahaan itu sendiri. Di samping itu terdapat pula pihak-pihak lain yang mencadangkan supaya diperketatkan lagi peruntukan-peruntukan di dalam Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 khasnya yang berkaitan dengan keputusan-keputusan Mahkamah Perusahaan.

Dari semua cadangan-cadangan ini, termasuk cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ini, jelaslah kepada kita betapa pentingnya dibuat kajian dan mengadakan langkah-langkah jika difikirkan perlu, bagi menentukan bahawa keputusan-keputusan Mahkamah Perusahaan adalah muktamad.

Berkait rapat dengan perkara di atas ialah mengenai kegagalan mematuhi keputusan Mahkamah Perusahaan dan tidak menghiraukan perintahnya, yang mana telah menimbulkan berbagai-bagai pendapat. Seperkara lagi

ialah mengenai kekurangan di dalam undang-undang sekarang bagi menghukum kegagalan tersebut. Sungguhpun kegagalan tersebut jarang-jarang berlaku, namun begitu saya telah menerima berbagai-bagai cadangan dan perwakilan mengenai perkara ini.

Perkara lain yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah mengenai pengiktirafan kesatuan sekerja oleh majikan-majikan. Pada awal tadi, saya telah menerangkan mengenai perundingan bersama di antara majikan dan pekerja melalui kesatuan sekerja mereka dan peranan Mahkamah Perusahaan dalam perkara ini. Walau bagaimanapun, sebelum sesebuah kesatuan sekerja yang mewakili sekumpulan pekerja. Memulakan perbincangan bersama, ia perlu di bawah undang-undang, mendapat pengiktirafan dari majikan yang berkenaan. Saya perhatikan Ahli Yang Berhormat itu, di dalam usulnya telah mencadangkan supaya Mahkamah Perusahaan diberi kuasa untuk menyelesaikan pertikaian atas perkara pengiktirafan kesatuan sekerja. Nampaknya beliau berasa kurang senang terutama sekali dengan kuasa-kuasa yang diberi kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat untuk menyelesaikan pertikaian sedemikian. Ingin saya memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa peruntukan asal Akta Perhubungan Perusahaan, 1967, telah memperuntukkan supaya pertikaian atas pengiktirafan kesatuan sekerja diselesaikan oleh Mahkamah Perusahaan. Walau bagaimanapun, selepas itu adalah difikirkan bahawa Mahkamah Perusahaan sepatutnya lebih menitikberatkan perkara-perkara asas yang penting iaitu menimbang serta memutuskan perkara-perkara seperti perjanjian bersama, pembuangan kerja, tuduhan penganiayaan terhadap pekerja dan lain perkara yang berkaitan dan tidak melibatkan dirinya dengan isu-isu "preliminary" seperti perkara pengiktirafan kesatuan sekerja. Memandangkan hal ini, isu pengiktirafan kesatuan sekerja telah dikeluarkan daripada bidanguasa Mahkamah Perusahaan dalam bulan Oktober 1969 dan sebagai gantinya satu peraturan baru telah dimasukkan ke dalam Undang-undang tersebut. Ini termasuk memberi kuasa kepada Menteri Buruh untuk menyelesaikan pertikaian yang melibatkan pengiktirafan kesatuan sekerja. Dengan itu Mahkamah Perusahaan telah dapat meneruskan tugasnya untuk menyelesaikan perkara-perkara yang lebih penting itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu-satu isu mengenai pengiktirafan kesatuan sekerja lazimnya melibatkan soal-soal "facts" dan jarang-jarang sekali menyentuh soal undang-undang. Tambahan pula, ia juga adalah merupakan perkara yang lurus dan tepat iaitu mengenai penubuhan satu perhubungan resmi di antara pihak yang berkenaan sebagai satu langkah pendahuluan untuk perundingan bersama. Sungguhpun kuasa Menteri dalam menyelesaikan isu-isu pengiktirafan kesatuan sekerja ini adalah merupakan kuasa-kuasa budibicara (discretionary), ianya dijalankan dengan adil dan lebih berhati-hati. Di sini saya menyebutkan beberapa perangkaan. Setakat ini Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat telah mengeluarkan 145 perintah kepada majikan supaya memberi pengiktirafan kepada kesatuan sekerja. Dari jumlah ini, 8 telah dicabar di Mahkamah Tinggi tetapi tidak satu pun yang berjaya. Sudah tentu, Tuan Yang di-Pertua, faktor ini sahaja dapat menghilangkan kebimbangan Ahli Yang Berhormat itu terhadap penyalahgunaan kuasa oleh Menteri. Saya tidak menafikan bahawa peraturan sekarang mengenai pengiktirafan kesatuan sekerja memerlukan beberapa perubahan yang boleh membawa kepada kebaikan dan penyelesaian isu ini dengan lebih memuaskan.

Sejajar dengan dasar Kerajaan untuk menggalakkan kemajuan dan pertumbuhan kesatuan sekerja yang berdemokrasi dan bertanggungjawab di negara ini, semakin ramai pekerja-pekerja kita menubuhkan atau ingin menjadi ahli kesatuan sekerja. Sebuah kesatuan sekerja yang bertanggungjawab boleh memberi sumbangan besar terhadap kemajuan dan pembangunan bukan sahaja industri-industri yang telah sedia kukuh tetapi juga dapat membantu memajukan industri-industri baru, yang menggunakan teknologi moden. Kita mempunyai perusahaan yang melindungi hak-hak pekerja-pekerja dan majikan kita untuk berorganisasi dan untuk berunding bersama. Ia selanjutnya melindungi pihak-pihak tersebut daripada campurtangan, sekatan atau larangan dalam menjalankan hak-hak mereka atau untuk menyertai aktiviti-aktiviti yang sah dan teratur. Adalah menjadi tujuan Kerajaan untuk mengujudkan perhubungan perusahaan yang baik dengan cara menanamkan semangat dan sikap yang betul di kalangan pemimpin-pemimpin pengurusan dan pekerja serta perlunya dikekalkan keharmonian perusahaan yang sungguh penting

bagi perkembangan perindustrian, dan pertumbuhan pelaburan dan pembangunan Negara kita. Walau bagaimanapun, tidak menjadi tujuan Kerajaan untuk mencapai keharmonian perusahaan ini melalui langkah yang terlalu kasar, tetapi melalui langkah-langkah yang mementingkan perundingan, persetujuan dan kerjasama.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sekarang ini sedang mengkaji semula Undang-undang Buruh termasuk Akta Perhubungan Perusahaan, dengan tujuan untuk membuat pindaan-pindaan yang difikirkan perlu. Cadangan atas perkara-perkara ini termasuk perkara yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu di dalam usul ini, telah juga diterima dari pihak pertubuhan majikan-majikan dan pekerja termasuk lain-lain kumpulan yang berminat. Pandangan dan cadangan mereka sedang dikaji. Pada mulanya adalah diharapkan cadangan-cadangan pindaan yang lengkap bagi meminda undang-undang ini dapat dibentangkan di Dewan ini pada persidangan yang berjalan sekarang. Akan tetapi oleh kerana cadangan-cadangan tersebut melibatkan 3 buah Undang-undang Buruh yang paling penting pemeriksaan, kajian dan cadangan selanjutnya sudah pasti akan memakan masa. Tambahan pula, mengikut amalan biasa, cadangan-cadangan ini akan dibincangkan di dalam mesyuarat tiga-pihak Majlis Bersama Penasihat Buruh Kebangsaan, yang terdiri dari wakil-wakil majikan, wakil-wakil pekerja dan wakil-wakil Kerajaan, untuk mendapatkan pandangan-pandangan dari pihak majikan dan pekerja, sebelum ianya dibentangkan di Dewan ini. Sebagai yang telah diumumkan baru-baru ini, cadangan-cadangan ini akan dikemukakan di Dewan yang mulia ini di dalam persidangan yang akan datang pada awal tahun hadapan. Memandangkan hal ini, Tuan Yang di-Pertua, Usul di hadapan kita sekarang ini adalah tidak perlu (superfluous). Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya Usul dari Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu ditolak.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

## USUL-USUL

### AKTA KASTAM 1967

#### Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 17) 1979

**Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 17) 1979 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 65 tahun 1979 disahkan.

Perintah ini adalah bertujuan untuk meminda kadar-kadar duti import ke atas barang-barang berikut:

- (i) Buah durian, buah mangga, nangka/ cempedak;
- (ii) cylinder block and crank cases;
- (iii) filem/negatif untuk perusahaan wayang gambar;
- (iv) alat-alat sukan.

Kadar-kadar duti yang baharu adalah seperti yang disenaraikan di dalam jadual (1) kepada perintah tersebut yang telah disampaikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Perintah yang sama juga adalah untuk meminda kadar duti eksport ke atas getah, bijih timah, kelapa sawit, lada hitam dan puteh.

Kadar-kadar duti baharu yang dikenakan atas bahan-bahan utama ini adalah seperti yang tercatat dalam Jadual-jadual 2, 3, 4, 5 dan 6 kepada perintah tersebut.

Tujuan meminda kadar-kadar duti import dan duti eksport ini telahpun dihuraikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan semasa membentangkan Belanjawan 1980 pada 18hb Oktober, 1979 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Edmund Langgu anak Saga:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 17) 1979 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 65 tahun 1979 disahkan.

### AKTA EKSAIS 1976

#### Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1979

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen kecil (2) dalam Seksyen 6, Akta Eksais 1976, Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1979 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 66 tahun 1969 disahkan.

Perintah ini adalah untuk meminda kadar duti eksais atas dua jenis barang yang dikilangkan di negara ini. Barang-barang yang terlibat ialah bateri yang diperbaharui dan juga tilam dan kusen getah. Duti eksais ke atas bateri yang diperbaharui adalah dimansuhkan bagi menyamakan kedudukan barang ini dengan lain-lain jenis barang yang diperbaharui yang tidak dikenakan cukai misalnya tayar celop.

Duti eksais ke atas tilam dan kusen getah diturun dari 44 sen/kg. kepada 33 sen/kg. Ini adalah bertujuan untuk menyamakan kedudukan pengeluar-pengeluar tilam/kusen itu dengan pengeluar-pengeluar yang mengeluarkan tilam/kusen dari bahan-bahan plastik.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Edmund Langu anak Saga:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen kecil (2) dalam

Seksyen 6, Akta Eksais 1976, Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1979 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 66 tahun 1979 disahkan.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1980

#### Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" (5hb November, 1979).

## DAN USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1980

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatan-kuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966 membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$9,856,562,316 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1980, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah "Maksud Pembangunan" atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1980 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 tahun 1979, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut". (5hb November, 1979).

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh untuk menyambung ucapannya pada hari semalam.

4.12 ptg.

**Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali (Permatang Pauh):** Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah bercakap berkenaan dengan

sepatutnya Kerajaan mengadakan undang-undang kecil mengawal kebebasan ugama dalam negara ini.

Bagi menyambung perkara ini, aktiviti corak ugama selalu berlaku yang mana kadang-kadang mengganggu lalulintas dan ketenteraman awam, menyebabkan orang ramai susah iaitu sangatlah mustahak bahawa perkara-perkara ini dikawal setakat mana yang patut dihad dan dibataskan.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Selain daripada itu, saya suka menyentuh apa yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong berkenaan dengan patung Kuan Yin. Patung Kuan Yin yang sedang dibina di Pulau Pinang sekarang ini adalah satu-satunya perkara yang tidak menyenangkan hati orang Islam. Patung yang sebegitu tinggi 130 kaki sepatutnya dibina di Taiwan, Hong Kong ataupun di Thailand, tetapi dibina di negeri Pulau Pinang iaitu di Malaysia; seolah-olah perbuatan ini menca-bar ketinggian ataupun kesucian ugama Islam yang mana ugama Persekutuan ialah ugama Islam. Sedangkan patung itu mengikut Yang di-Pertua Persatuan Buddha Malaysia Cawangan Pulau Pinang, Datuk Loh Hwee Siah tujuan membina patung itu ialah untuk menarik pelancong. Begitu juga Ahli EXCO Pulau Pinang iaitu Yang Berhormat Khor Gak Kim menyebutkan bahawa patung itu yang tinggi sekali di dalam dunia ini ialah untuk menarik pelancong ke negara ini. Jikalau sekiranya patung itu didirikan untuk pelancong maka tidak adalah sebab bahawa pihak-pihak yang menyokong pembinaan patung itu menghujahkan bahawa patutlah masyarakat di Malaysia ini bersifat toleransi kerana kita hendak bertoleransi ialah perkara berkaitan dengan ibadat ataupun kepercayaan, tetapi ini adalah tujuan untuk menarik pelancong. Patung yang sebegitu tinggi adalah menyusah ataupun tidak mententeramkan hati orang Islam, manakala mereka datang ke Pulau Pinang maka patung itu dilihat dengan jelas begitu tinggi sedangkan tempat foundation patung itupun sudah beratus kaki tinggi dari muka laut.

Oleh itu sebahagian besar pihak alim ulama di seluruh Malaysia ini tidak senang hati dengan pembinaan patung ini sebab kata mereka negara ini adalah negara Islam pada

asalnya, pembinaan patung ini menyebabkan orang Islam menanggung satu dosa yang besar kerana mengizinkannya.

Selain daripada itu sekiranya pembinaan patung ini diluluskan maka beberapa patung lagi akan didirikan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan berkenaan dengan patung ini pada beberapa hari yang lalu Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah menyatakan bahawa kelulusan bagi pembinaan patung ini telah dibuat pada tahun 1975 di mana PAS ada dalam Barisan. Saya rasa tidak senang hati dengan jawapan yang sedemikian. Betul PAS ada dalam Barisan tetapi PAS tidak diberitahu berkenaan dengan pembinaan patung ini sebab PAS pada masa itu belum lagi menduduki kerusi Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan belum lagi dilantik menjadi EXCO di Pulau Pinang. Maka dengan sebab itu tidaklah boleh dikatakan PAS pada masa itu menerima akan pembinaan patung ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga membangkitkan satu perkara yang berkaitan dengan ugama yang mana stall-stall, restoran-restoran di Pulau Pinang; saya percaya juga di negeri lain pihak yang bukan Islam telah menggunakan satu perkataan "Ditanggung Halal" di kedai-kedai makan. Saya telah melihat dengan mata kepala saya sendiri stall yang terdapat perkatataan "Ditanggung Halal" di papan iklannya itu saya dapati ayam yang dijual di situ sebagai Nasi Hailam tidakpun disembelih.

Jadi apa yang saya maksudkan di sini, perkataan "Ditanggung Halal" ini patutlah Menteri Perdagangan dan Perindustrian mengambil satu perhatian yang berat. Saya percaya pihak Majlis Ugama Pulau Pinang telahpun menghubungi pegawai-pegawai di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bagi mengatasi perkara ini di mana pekedai-pekdai ataupun restoran-restoran menggunakan perkataan "Ditanggung Halal". Sepatutnya perkataan yang bercorak ugama yang digunakan oleh masyarakat Islam di dalam menentukan hukum ini kepada orang yang bukan Islam tidak sayugia dan tidak sepatutnya mereka menggunakannya. Apa yang saya maksudkan ialah pihak Kementerian tersebut mestilah membuat peraturan supaya perkataan ini tidak digunakan dengan sewenang-wenang oleh pihak-pihak tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lain yang saya suka bangkitkan di sini ialah berkenaan dengan kesusahan orang ramai. Jabatan Keretapi Tanah Melayu di musim-musim perayaan dan hari kebesaran telah menjualkan tiketnya tidak terbatas. Dengan demikian saya telah melihat sendiri Hari Raya baru ini orang yang membeli tiket second class pun tidak dapat tempat duduk hingga duduk di tangga. Ini amat merbahaya kepada jiwa manusia. Jikalau sekiranya Kerajaan telah membuat had bagi tiap-tiap satu bas ataupun kenderaan ekspres hanya dibenarkan 45 orang atau 54 orang penumpang boleh duduk dan sebagainya, dan sekiranya bas itu membawa lebih penumpang adalah salah, tetapi mengapakah Kerajaan pula membuat tauladan menunjukkan perkara yang sedemikian. Ini adalah merbahaya kepada orang ramai dan juga menyusah serta menjadikan orang ramai rugi. Mereka tidak dapat tempat duduk dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Jabatan Keretapi patutlah mengambil perhatian berat supaya perkara ini diatasi dengan menambahkan coach-coach ataupun menambahkan beberapa buah keretapi supaya dapat menyelesaikan masalah orang ramai ini.

Selain daripada itu saya suka menyebutkan keretapi Ekpres Rakyat. Keretapi Ekpres Rakyat ini yang bertolak daripada Butterworth ke Singapura pada jam 8.00 pagi, demikian juga dari Singapura ke Butterworth barangkali pada jam 7.00 pagi yang mana keretapi ini berjalan selama 14 jam. Bagi orang Islam, kerana negeri ini kita tahu bahawa penduduknya 5.95 juta orang Islam maka tentulah menjadi masalah kepada orang Islam ini menumpang keretapi itu dengan tidak ada tempat sembahyang. Sekali pun kita kata bukanlah semua orang sembahyang tetapi bagi orang yang hendak sembahyang tidak ada mempunyai tempat. Sudah sewajarnya Ekpres Rakyat ini yang bergerak dengan segera tidak ada masa bagi penumpang hendak turun di stesyen untuk bersembahyang, menyediakan tempat sembahyang di atasnya.

Selain daripada Ekpres Rakyat ini berjalan selama 14 jam, ia harus juga mengadakan jualan makan untuk orang Islam dan orang Islam patutlah diberi keutamaan untuk menjual makanan di atas keretapi itu. Saya percaya sekalipun bukan orang Islam yang menjualnya mereka juga patuh syarat-syarat

tetapi bagi sebahagian besar daripada orang-orang Islam adalah selera mereka tidak dapat menerima akan hidangan-hidangan yang disediakan oleh mereka. Dengan sebab itu bagi penyelesaian penumpang-penumpang keretapi itu Kerajaan hendaklah memberi keutamaan kepada orang Islam menjual makanan di atas keretapi Ekspres Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya suka juga menyentuh Dasar Ekonomi Baru yang mana ramai orang rasa ragu-ragu apakah Dasar Ekonomi Baru itu akan tercapai pada masa yang ditetapkan atau tidak dan baharu-baharu ini seorang pemimpin dalam Barisan Nasional sendiri pun telah menyuarakan keraguannya tentang penyampaian objektif—matlamat Dasar Ekonomi Baru yang dijalankan oleh Kerajaan sekarang. Saya percaya cara-cara dasar itu baik tetapi cara perlaksanaannya atau pentadbiran yang melaksanakan dasar ini mungkin lemah, mungkin juga tidak dibuat tindakan-tindakan yang wajar menyebabkan matlamatnya masih jauh untuk dicapai.

Sebagai contoh untuk memajukan ekonomi orang Melayu—bumiputra untuk menolong bumiputra mengatasi kemiskinan dan kepauman, Kerajaan mengeluarkan permit-permit lori A bagi orang Melayu maka di negeri saya atau di Seberang Perai, saya dapati lori-lori permit A hampir 95% telah di Ali-Babakan. Jadi yang 5% lagi itu amat sukar sekali untuk mendapat sewa dan sebagainya. Saya harap Kerajaan mestilah mengambil perhatian yang berat sekalipun beberapa rayuan telah dibuat oleh pihak-pihak yang berkenaan maka tidak pun dapat pihak Kerajaan menjalankan tindakan. Saya percaya dengan keadaan yang sedemikian permit A yang ada lagi 5% di tangan bumiputra itu akan habis diserahkan kepada orang lain—di Ali Babakan juga sebab mereka tidak berjaya untuk mempertahankannya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perkara yang saya sebutkan itu, saya juga suka membangkitkan perkara pertanian di kawasan saya. Di Seberang Perai penanam padi semenjak 5 tahun sudah telah tidak dapat mengusahakan tanah padi seribu ekar lebih tetapi setelah 5 tahun hingga hari ini, saya percaya seluruh Seberang Perai sudah meningkat 5,000 ekar lebih yang tidak dapat diusahakan padi. Sebab-sebabnya saya percaya juga ialah kelemahan atau ketiadaan perhubungan di antara Negeri dengan Pusat.

Sepatutnya perkara yang semacam ini pihak Pertanian Negeri mestilah melaporkan kepada Pusat supaya tindakan-tindakan atas sungutan ramai itu dapat diperbetulkan. Masalahnya hanya satu sahaja iaitu penanam padi mendapati tanah mereka tidak kering dengan sebab tidak ada sistem peparitan yang betul untuk mengeringkan air di tanah itu, maka lama kelamaan tanah mereka menjadi dalam dan tidak sesuai lagi menanam padi. Perkara yang semacam ini bukan sahaja berlaku di Seberang Perai Tengah tetapi sekarang itu sudah melarat ke Seberang Perai Utara di mana projek PBA telah dibuat dan dengan itu aliran air tersekat, parit-parit buang air tidak dibuat atau tidak sesuai lagi menyebabkan beratus-ratus ekar pula terpaksa ditinggalkan tidak dapat dibuat.

Selain daripada itu di Butterworth juga, Jabatan Parit dan Taliair hanya mengutamakan pemberian air (bekalan air) sedangkan parit pembuangan air itu tidak di buat dengan sempurna, saya percaya kalau satu musim padi atau dua musim padi tidak dapat dibuat, tentulah tidak begitu menjadi masalah kepada orang kampung. Ini sudah 10 kali musim padi masih belum lagi dibuat rancangan membaiki parit buang air maka inilah masalah yang menjadikan orang kampung menderita dan mengalami kerugian. Bagi orang kampung penanam padi adalah mata punca pendapatan kalau semusim padi tidak dibuat maka hilanglah punca sara hidup mereka, mereka tidak dapat membelikan pakaian, menyara anak di sekolah dan lain-lain lagi maka di manakah mereka akan dapat wang untuk sara hidup mereka. Jadi mereka terpaksa mencari kerja lain dan kerja lain itu kalau sesuai sebagai penanam padi untuk membuatnya, tidak menjadi masalah tetapi tentulah sebahagian besarnya tidak sesuai menjalankan kerja itu. Dengan sebab itu mereka terpaksa menganggur dan membuat kerja-kerja lain, kerja-kerja kampung. Kerja-kerja sambilan ini tidak dapat menanggung beban tanggungjawab mereka terhadap anak dan famili mereka.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang besar dihadapi oleh penduduk Seberang Perai ialah masalah penjualan tanah. Saya percaya penjualan tanah ini ialah perkara negeri tetapi saya sebutkan di sini supaya Kerajaan Pusat memberi perhatian sama. Penjualan tanah sekarang berlaku dengan berluas-luasan di Seberang Perai, sebabnya ialah tanah padi

tadi tidak dapat dijayakan tanaman padi sudah 5-6 tahun maka tuan-tuan tanah itu sudah bosan. Maka mereka telah menjual sebahagian daripada tanah-tanah itu sedangkan harga-harga tanah sangat tinggi melambung, tanah padi pun sekarang sudah sampai harganya antara \$12,000-\$15,000 seekar.

Dalam perkara ini saya harap Kerajaan Pusat haruslah memberi perhatian, Menteri yang berkenaan harus memberi perhatian dan berikhtiar bagaimanakah cara boleh mengatasi perkara penjualan tanah ini. Kita sedang berikhtiar supaya bumiputra mendapatkan 30% bahagian ekonomi dalam negara ini tetapi penjualan tanah ini berlaku dengan cepatnya, maka bila tanah sudah habis nanti baru kita hendak tetapkan bagi bumiputra mesti memiliki tanah 30%, tentulah satu masalah yang sulit.

Selain daripada itu saya selalu menyebutkan dalam Dewan yang mulia ini ialah berkenaan perumahan. Saya telah mendengar apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan perumahan tetapi apa yang saya lihat di negeri saya di Seberang Perai, Pulau Pinang bahawa pembangunan perumahan ini amat pesat sekali. Pembangunan perumahan ini boleh mengubah corak politik negeri ini. Saya dapati boleh mengubah corak politik Pulau Pinang. Kawasan-kawasan yang majoritinya orang Melayu pada hari ini saya percaya satu pilihanraya lagi akan bertukar majoritinya kepada bukan Melayu sebab rumah-rumah yang dibangunkan itu 100-200 yunit oleh swasta berharga di antara \$50,000 hingga \$90,000 tidak ada seorang bumiputra yang dapat membelinya, lagi pula mereka kebanyakannya tidak sesuai dengan rumah-rumah yang besar-besarnya, mereka suka rumah yang ada kawasan boleh bercucuk tanam dan berternak ayam dan sebagainya. Oleh itu saya suka Kerajaan Pusat memberi perhatian dalam perkembangan perumahan ini supaya bumiputra terjamin kedudukan majoritinya dalam satu-satu kawasan itu dan juga saya tidak ingin bahawa kawasan-kawasan orang yang bukan bumiputra juga tergugat dengan pembangunan ini. Sungguhpun masalah ini satu masalah yang setengah pihak memandang ringan tetapi inilah masalah hidup matinya bumiputra dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu ialah masalah-masalah pemborong-pemborong Melayu, iaitu pemborong kecil yang

mana saya tahu kerja-kerja yang dibuat oleh pemborong ini amat lambat dibayar wang borongan mereka itu. Pemborong Melayu ini tidak mempunyai modal yang besar, dengan lambatnya bayaran borongan itu menyebabkan mereka kadang-kadang gagal dalam usaha mereka menjadi pemborong.

Saya rasa itulah dua tiga perkara yang saya bangkitkan di sini yang saya rasa patut saya bangkitkan. Maka sekianlah sahaja, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat dari Kuala Kedah.

4.34 ptg.

**Datuk Senu bin Abdul Rahman (Kuala Kedah):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Belanjawan 1980 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan khususnya kepada beliau kerana mengemukakan satu Belanjawan yang meliputi hampir semua aspek dan menyentuh semua lapisan rakyat, Ketegasan yang dibuat dalam lapangan Ekonomi, Pembangunan, Pelajaran, Sosial bahkan Sukan lebih-lebih lagi keselamatan adalah sangat-sangat menggalakkan.

Kita semua bersetuju keteguhan ekonomi dan kewangan negara adalah faktor penting dalam mencapai pembangunan dan menjamin keselamatan politik dan keselamatan negara seluruhnya. Dan perkembangan ekonomi Malaysia adalah menggambarkan kebolehan dan kebijaksanaan Kerajaan mengendalikan dan menyesuaikan keadaan ekonomi negara kita dengan perkembangan ekonomi antarabangsa. Keteguhan harga barang-barang mentah sebagai bijih, getah, kelapa sawit, koko dan juga minyak adalah merupakan satu rahmat dan juga kemampuan Kerajaan mengendalikan perjalanan dan perkembangan ekonomi kita.

Bagaimanapun, keteguhan ekonomi dan kewangan tidak semestinya dapat menjamin sepenuhnya keselamatan dan kestabilan politik sesebuah negara. Sebabnya ialah kerana keadaan dunia yang saling bergantung antara satu dengan lain yang menjadikan hubungan ekonomi lebih-lebih lagi politik dengan negara-negara luar terutama negara-negara

disekeliling kita faktor yang tidak harus dan tidak kurang pentingnya. Sebaliknya sebarang pergolakan politik di luar, lebih-lebih lagi di sekeliling kita boleh merupakan faktor yang paling penting, paling cepat dan berkuasa bahkan mempengaruhi atau mewarnakan naik turunnya atau tegap dan lemahnya ekonomi sesebuah negara itu. Malah faktor politik ini sering dapat merubahkan dan mewarnakan corak ekonomi dan politik sesebuah negara dalam masa dan dengan kesan yang tidak dapat dibayangkan dan diperhitungkan oleh ahli Economist atau Politician ataupun alat-alat Computerisation.

Keselamatan dalam negeri agak terjamin pada waktu ini dengan ketegasan Kerajaan dan dengan waspada Pasukan-pasukan Keselamatan kita. Pengaruh komunis yang pada satu masa sungguh-sungguh membimbangkan melalui serang hendap infiltration dan subversion hingga ke Jabatan-jabatan Kerajaan, Badan-badan Politik, Trade Union dan Pusat-pusat Pengajian, sekarang sudah berkurangan. Bagaimanapun Kerajaan dan kita rakyat sekalian tidak harus berpuashati bahkan mesti terus berwaspada kerana kita faham benar-benar tentang matlamat, taktik dan strategy perjuangan komunis ini.

Apa yang membimbangkan, Tuan Yang di-Pertua, dan pasti melibat serta menyentuh keutuhan dan kedudukan ekonomi dan politik kita jika tidak dapat diatasi segera ialah keadaan yang sedang bergolak di Semenanjung Indo-China. Keadaan ini adalah sama sekali di luar kuasa dan kemampuan kita bertindak bersendirian.

Seluruh dunia sedang menumpukan perhatian dalam pergolakan ini dan sedang menjadi teka-teki samada perang dunia ketiga akan tercetus dari kawasan kita Asia Tenggara. Kemungkinan ini besar memandangkan kepada penglibatan kuasa-kuasa besar dalam pergolakan ini iaitu Russia, China dan juga Amerika.

Biarpun kita rasa tidak ada pemimpin negara yang sukakan atau sanggup melihat negaranya huru-hara dan rakyatnya terkorban dan menderita oleh peperangan, tetapi sejarah berkali-kali membuktikan peperangan boleh tercetus secara tidak sengaja atau accidentally atau secara yang tidak diduga malah tanpa kehendak dan kemahuan pihak-pihak yang berkenaan. Sebaliknya mereka hanya sedar manakala sudah terlambat iaitu nasi sudah

menjadi bubur dan tidak berupaya memberhentikan atau menyekat dari merebak malah hanya menyebabkan bertambah-tambah penderitaan dan pengorbanan dan sesudah harta benda, kampung halaman, bandar dan pekan punah ranah.

Kesedaran sudah terlambat biarpun Pemimpin-pemimpin yang bertanggungjawab dihukum sebagai balasan jenayahnya atau sebagai membalas dendam tetapi negara sudah hancur dan rakyat terkorban dan menderita. Inilah gambaran dunia dari semasa ke semasa dan gambaran bagaimana degil dan pendeknya fikiran manusia tidak berupaya mempelajari dari sejarah bahkan terus menjerumuskan diri, bangsa dan negara mereka, dari satu masa ke satu masa.

Berbalik kepada keadaan yang sedang bergolak di Asia Tenggara yang negara kita mahu atau tidak mahu sedang sama-sama terlibat.

Saya sama sekali tidak berniat mempersoalkan kebijaksanaan Kerajaan kita dalam mengendalikannya dasar luar negeri kita dan lebih-lebih lagi merupakan rasa tanggungjawab pemimpin-pemimpin kita yang sedang memikul tugas sebegini berat bak kata pepatah: berapa berat mata memandang berat lagi bahu memikul.

Bagaimanapun, perasaan sama bertanggungjawab mendorong keinginan saya memberi sedikit pendapat yang mungkin berbeza dengan pendapat dan cara atau dasar yang sedang menjadi dasar luar negeri kita. Dan sama sekali saya tidak berhajat mengajar itik berenang.

Kita memang bersetuju dan menyokong penuh dasar neutrality atau berkecuali kita, juga dasar tidak terlibat atau non-intervention dan non-interference oleh sesebuah negara terhadap negara lain. Dan bersetuju bahawa kita mesti menyokong apa juga usaha yang dibuat bagi mengekalkan dasar ini dan mengecam mana negara juga yang menceroboh dan mencemarnya.

Bagaimana pun, dalam menyokong pelaksanaan dasar ini kita haruslah pastikan bahawa tindakan kita tidak merugikan kepentingan negara dan rakyat kita sendiri baik dalam jangka pendek atau jangka panjang. Kita yakin bahawa dasar luar sesebuah negara untuk berjaya hendaklah diasaskan di atas criterion iaitu dalam perhitungan

akhir atau "in the ultimate analysis" setiap tindakan yang diambil mestilah menguntungkan rakyat dan negara itu sendiri. Dari itu biar apa juga yang penglibatan atau involvement kita samada secara bilateral atau unilateral sebagai ASEAN lebih-lebih lagi sebagai dalam Perpaduan Afro-Asian atau Afro Asian Solidarity atau negara-negara berkecuali yang dasarnya begitu umum dan longgar, maka perhatian mestilah diberikan sepenuhnya iaitu supaya setiap tindakan yang hendak diambil oleh badan-badan atau Pertubuhan ini biarpun atas nama perpaduan atau solidarity atau prinsip neutrality, maka tindakan itu tidak merugikan atau menyulitkan kedudukan kita sendiri.

Adalah menjadi kenyataan bahawa setiap negara yang bergabung dalam sebuah gabungan itu mempunyai tujuan atau matlamatnya sendirian. Ini bukannya kerana sifat selfishness atau self-interest tetapi lebih tepat ialah pragmatic dan practical berdasarkan kepada facts dan realities ataupun kenyataan. Tidak ada bukti dalam sejarah yang menunjukkan sesebuah negara itu sanggup berkorban kerana kepentingan negara atau negara-negara lain.

Saya tegaskan ini kerana dalam perhitungan saya sendiri iaitu biarpun kita mempunyai dasar menyokong concept non-alignment atau non-involvement sebagai yang ditegaskan oleh Menteri Luar kita tetapi dasar ini tidak semestinya diperjuangkan dengan cara dan approach yang rigid dan inflexible. Kita bersetuju prinsipnya mesti dipertahankan, tetapi bagaimana cara dan sumbangan kita sendiri dalam setiap usaha mempertahankan prinsip itu tanpa membawa akibat yang tidak diinginkan kepada negara kita sendiri.

Bangsa-bangsa Bersatu sedang berusaha dan mencari jalan bagaimana memberi bantuan kepada rakyat Kampuchea yang sedang menderita. Juga Amerika terpaksa mengambil sikap tertentu dengan menumpukan perhatian penuh kepada krisis kemanusiaan ini sambil mengenyepikan dahulu soal-soal politik. Sebaliknya anih dan ganjil, umpamanya, jika Bangsa-bangsa Bersatu yang telah mengambil ketetapan baru-baru ini mengiktiraf Kerajaan Pol Pot tetapi sekarang terpaksa berhubung dengan Kerajaan Heng Samrin meminta bekerjasama dan persetujuan bekerjasama. Tindakan ini

merupakan satu predicament atau satu in-crebiliti terutama kepada Bangsa-bangsa Bersatu sendiri yang baru sahaja meluluskan resolusi tersebut dan kepada negara-negara yang menyokongnya termasuk ASEAN.

Sebaliknya Amerika sendiri dalam saat sebegini telah mula menunjukkan flexibility dasar luarnya. Bagaimanapun memang begitulah dasar pragmatism Amerika ini. Kenyataan Penolong Setiausaha Negara Amerika, Encik Richard Holbrooke baru-baru ini di Kuala Lumpur, sangat anih dan patut mendapat perhatian kita iaitu izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua; "The U.S. does not recognise either the ousted Pol Pot or the Vietnamese installed Heng Samrin as the legitimate government."—*The Star*, 31hb Oktober, 1979—iaitu Amerika tidak mengaku sama ada Pol Pot yang digulingkan atau Heng Samrin yang didokong oleh Vietnam sebagai Kerajaan yang sah.

Sebaliknya ASEAN menyokong regim Pol Pot atas dasar Kerajaan Heng Samrin tidak sah, kerana ditubuhkan oleh Vietnam berlawanan dengan konsep berkecuali dan tidak campur tangan Negara-negara Berkecuali yang diluluskan atau yang diputuskan di Sri Lanka.

Encik Richard Holbrooke juga menyatakan saya quote: "The highest priority now was to deal with the humanitarian crisis and to reduce the tension at the Thai-Kampuchean border"—*New Straits Times*, 31/10/79.

Dengan lain perkataan Amerika Syarikat tidak menekankan soal mana satu Kerajaan yang sah atau kedudukan askar-askar Vietnam di Kampuchea dalam saat menghadapi masalah penderitaan dan kelaparan rakyat Kampuchea ini.

Dari kenyataan di atas adalah membuktikan perbezaan terdapat di antara resolusi Bangsa-bangsa Bersatu dan keputusan Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Berkecuali di Sri Lanka dengan dasar Amerika sebagaimana yang diterangkan oleh Encik Holbrooke.

Saya tidak berniat hendak mengkritik dasar luar kita tapi saya dalam menghadapi soal Kampuchea ini rasa kita haruslah memandang dari segi yang lebih luas iaitu dari segi

keselamatan Tenggara Asia dan khasnya negara kita dalam jangka pendek dan jangka panjang.

Beberapa bulan yang lalu saya kemukakan dua dasar iaitu dasar jangka pendek dan dasar jangka panjang. Pada masa itu dasar jangka pendek saya katakan ialah usaha-usaha yang harus dilakukan bagi menghadapi masalah pendatang haram Vietnam dan jangka panjangnya ialah bagaimana dasar kita terhadap masa depan Semenanjung Indo-China khasnya Vietnam sendiri.

Sekarang masalah pendatang haram sudahpun berkurangan setelah Persidangan di Geneva dan tindakan-tindakan yang diambil selepasnya.

Saya mengemukakan sekarang iaitu soal krisis kemanusiaan iaitu penderitaan-penderitaan dan kelaparan dan juga ketegangan di Sempadan Thai-Kampuchea sebagaimana yang disuarakan oleh Encik Richard Holbrooke dijadikan dasar jangka pendek dan dibincangkan seserius-seriusnya oleh ASEAN dengan tidak menimbulkan soal-soal politik yang lain.

Lawatan Encik Richard Holbrooke seolah-olahnya telah mengecewakan kita atau mengecewakan beliau, sebagaimana kenyataan yang beliau buat dalam *The New Straits Times*, 31hb Oktober, 1979 iaitu izinkan Tuan Yang di-Pertua "The issue was a difficult one and they did not have a plan at this point which they could work on" dan beliau mengatakan "they intend to continue intensive discussions on the matter." Iaitu selepas beliau berunding dengan pemimpin-pemimpin kita dan juga setengah pemimpin ASEAN di negara lain. Saya percaya Pemimpin-pemimpin ASEAN sebagaimana yang dinyatakan oleh Richard Holbrooke akan berusaha sedayaupaya bagaimana hendak menyelesaikan masalah yang serious dan immediate ini dan tunjukkan yang kita memang mempunyai plan menyelesaikannya.

Soal jangka panjang, saya rasa yang patut menjadi dasar luar kita ialah bagaimana cara dan usaha yang harus dibuat untuk mencapai keamanan di Semenanjung Indo-China dan seterusnya menjadikan Indo-China khususnya Vietnam itu neutral atau berkecuali

daripada pengaruh mana-mana kuasa juga besar atau kecil termasuk China, Russia dan Amerika sendiri.

Keamanan dan keselamatan ASEAN terletak atau tergantung besar kepada keadaan dan pergolakan-pergolakan di kawasan tersebut, dan memang tidak dapat dinafikan selagi kuasa-kuasa besar khasnya Russia dan China menganggap atau memandang kawasan itu sebagai kawasan rebutan mereka dan selagi kedua-dua kuasa besar ini mempunyai keinginan meluaskan pengaruh di seluruh Asia Tenggara maka selama itulah Indo-China akan bergolak.

Bagaimanapun, demi keselamatan ASEAN dan Asia Tenggara keseluruhannya perebutan kuasa antara dua gergasi komunis ini bahkan oleh Amerika juga hendaklah diusahakan supaya diperkecil atau dilenyapkan sama sekali demi kepentingan kita di Asia Tenggara malah negara-negara besar itu sendiri.

Neutral Indo-China sama sebagaimana neutral ASEAN akan dapat memberi sumbangan yang besar terhadap keamanan dunia seluruhnya.

Mungkin konsep jangka panjang atau menjadikan Vietnam ini neutral kepada setengah-setengah pihak merupakan satu perkara mustahil. Tetapi saya yakin rakyat Indo-China khasnya Vietnam sama sebagaimana kita mempunyai national pride perasaan kebangsaan dan self-respect dan tidak mahu dikongkong atau diperalatkan oleh kuasa mana pun juga termasuk Russia, biarpun ada kenyataan-kenyataan sedemikian pada masa yang lepas dan masa ini.

Saya mengesyorkan supaya ini menjadi dasar jangka panjang Malaysia kerana saya rasa sudah ada bukti-buktinya yang kuasa-kuasa besar sudah mulai memainkan peranan yang akibatnya harus memecah-belahkan bukan saja Indo-China tetapi juga ASEAN sendiri.

Kita harus mengucapkan tahniah kepada Singapura kerana dalam masa pergolakan ini, telah mengambil keputusan yang tegas dan berani menjadikan Bahasa Mandarin bahasa yang dimestikan di Singapura selain daripada Bahasa Inggeris. Ini dilakukan tentulah sesuai dengan dasar jangka panjang

Singapura sendiri, walaupun asasnya sebagaimana Perdana Menteri Singapura mengatakan adalah ekonomi.

Berhubung dengan dasar jangka panjang inilah maka saya pernah menyeru dan ingin sekarang menyokong Menteri Luar kita membuat lawatan ke Vietnam lebih-lebih lagi sebagai pengerusi Standing Committee ASEAN sebelum membuat lebih banyak kenyataan yang boleh disalah-fahamkan dan dituduh sebagai "mouthpiece" satu-satu kuasa besar sebagai Vietnam telah menuduh sebuah negara anggota ASEAN baru-baru ini. Saya syorkan lawatan ini kerana pengalaman membuktikan bahawa hubungan dan pertelingkahan antara negara sering benar dapat diselesaikan di meja perundingan secara diplomasi atau saluran diplomatic antara pihak-pihak yang berkenaan dan bukannya melalui kecaman atau ketetapan dan resolusi dalam persidangan-persidangan antarabangsa termasuklah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sendiri. Sengketa Indonesia/Belanda yang melahirkan Bunker Plan, 1962 umpamanya tidak dibuat melalui Bangsa-bangsa Bersatu biarpun Bangsa-bangsa Bersatu bertahun-tahun membincang dan membahaskannya. Begitulah juga banyak lagi sengketa-sengketa lain yang telah diselesaikan.

Biasanya dalam keadaan dan ketegangan begini, di mana setiap negara berdegil dan bermati-mati menegakkan benang basahnyanya dan di mana maruah dan kehormatan pemimpin-pemimpinya tercabar dan terlibat maka tidak ada usaha lain yang paling sesuai dan berkesan selain dari usaha melalui diplomasi. Dan saya tegaskan bukan melalui resolusi dan kecaman.

Memandangkan kepada kepentingan kita dalam soal Indo-China inilah dan yakin yang negara kita boleh memainkan peranan penting maka saya pernah mengesyorkan supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri membuat lawatan ke Hanoi dan saya difahamkan sudah ada pun jemputan sedemikian dari Perdana Menteri Vietnam, Encik Phan Van Dong. Usaha sedemikian saya percaya tidak akan merugi bahkan menguntungkan biarpun andainya hasil yang diharapkan tidak segera tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap dalam soal ini saya pernah mendengar kalau sekiranya soal ini diusulkan, maka harus kita akan kembali kepada soal yang berlaku sebelum Peperangan Dunia Yang Kedua iaitu kononnya pada masa Hitler mula menjalankan agressionnya di Eropah maka kita masih ingat Perdana Menteri Britain Tuan Neville Chamberlain melawat Munich berjumpa dengan Hitler. Jadi kalau kita juga pergi ke Hanoi seolah-olah sebagaimana Chamberlain pergi ke Munich dengan dasar appeasementnya. Saya rasa adalah bodoh dan salah sama sekali kalau ada fikiran dan pendapat yang demikian, kita bandingkan Hitler, Nazi dan Phan Van Dong dan Vietnam, bandingkan keadaan yang ada pada masa Nazi dahulu dengan keadaan yang ada sekarang ini sama sekali tidak sesuai dan tidak dapat disamakan, Tuan Yang di-Pertua.

Saya sungguh tidak yakin bahawa dengan resolusi atau ketetapan lebih lagi kecaman akan dapat mengubah pendirian Vietnam, kecuali kalau dengan maksud dan usaha tertentu yang sengaja dibuat untuk memprovoke mereka supaya mengambil tindakan-tindakan yang akibatnya dapat menyeret semua negara dan mencetus peperangan besar-besaran dengan harapan bukan sahaja Indo-China bahkan juga ASEAN akan turut hancur.

Kita harus sedar bahawa dalam pergolakan baik di Kampuchea atau di Semenanjung Indo-China Vietnam adalah merupakan satu kuasa yang tidak dapat tidak mesti diperhitungkan sebagaimana juga dipertanggungjawabkan. Dan sebaliknya bukanlah mustahil kalau ada kuasa-kuasa lain yang mempunyai hasrat yang tertentu tidak ingin melihat perpaduan dan kekuatan negara-negara Indo-China sebagaimana mereka tidak ingin melihat perpaduan dan kekuatan ASEAN atau melihat keamanan dan kemakmuran kawasan ini.

Kiranya ASEAN dan Indo-China dapat bekerjasama semuafakat dalam sebuah gabungan sebagaimana ASEAN hari ini maka tidak ada kuasa lain besar atau kecil yang tidak akan menghormati perpaduan dan kekuatan kita. Dan tidak ada kuasa besar bagaimanapun juga boleh memperalat dan memperkotak-katikkan kita.

Matlamat inilah sepatutnya menjadi matlamat jangka panjang kita dan ASEAN yang menghendaki dan memerlukan segala usaha bersama.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan betapa seriusnya keadaan krisis kemanusiaan iaitu penderitaan kebuluran dan kematian di Kampuchea maka saya mengesyorkan supaya Parlimen sendiri dengan inisiatif, Tuan Yang di-Pertua, menubuhkan sebuah jawatankuasa bantuan rakyat Kampuchea dan jika perlu menghantar satu rombongan Ahli-ahli Parlimen melawat dan melihat sendiri keadaan yang sebenarnya di sana.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong Belanjawan 1980 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan saya telah berucap berkenaan dengan dasar luar negeri atau masalah Kampuchea dan Vietnam, ini saya rasa adalah berkenaan dengan dasar kita ataupun berkenaan dengan kehendak dan kemahuan kita mengekal dan meneguhkan ekonomi kita sendiri. Sebagaimana saya katakan tadi kalau sekiranya kedudukan di Indo-China tidak dapat diselesaikan maka ini akan menyentuh bukan sahaja politik tetapi ekonomi negara kita sendiri.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Pagoh.

*4.58 ptg.*

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin (Pagoh):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut sama memberikan pandangan-pandangan saya bagi menyokong usul Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Rang Undang-undang Perbekalan 1980 yang telahpun dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada 18hb Oktober, 1979 yang lalu. Cadangan-cadangan Belanjawan 1980 adalah cadangan yang terbaik dan justru itu saya sukacita mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan di atas belanjawan yang amat melegakan segenap lapisan masyarakat dan boleh dianggap satu belanjawan yang terbaik di antara belanjawan-belanjawan yang telah dilakukan di masa-masa yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya Belanjawan 1980 menunjukkan sikap Kerajaan Barisan Nasional yang tegas dan berani dan dengan jelas membuktikan bahawa Kerajaan sememang bersungguh-sungguh di dalam usahanya untuk memenuhi segala janji-janji sebagaimana yang terkandung di dalam manifestonya di pilihanraya yang lalu.

Bentuk Belanjawan ini sesungguhnya menunjukkan betapa bersungguh-sungguh dan committednya Kerajaan di dalam usaha untuk meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi negara dengan mengambil perhitungan matlamat serampang dua mata di dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru. Di dalam perbahasan ini saya ingin diberikan peluang untuk mengemukakan pandangan serta cadangan-cadangan berhubung dengan strategi serta program-program yang telah dicadangkan di dalam Belanjawan 1980 itu iaitu khususnya mengenai dua perkara yang amat menarik perhatian saya iaitu pertamanya usaha-usaha dan strategi yang disyorkan bagi membendung inflasi dan keduanya cadangan penyusunan semula sektor ekuiti bumiputra di dalam syarikat-syarikat swasta bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 1980 adalah dijangka tahun yang amat mencabar pertumbuhan ekonomi dunia dan mengikut perhitungan pakar-pakar ekonomi negara-negara perindustrian dan negara-negara maju di Eropah dan Amerika Syarikat akan menghadapi masalah inflasi dan resasi yang membantut segala pertumbuhan dan perkembangan ekonomi pada kadar 2 atau 0%. Namun begitu, kita amat girang meneliti bahawa keadaan tekanan inflasi di negeri ini walaupun memberi kesan ke atas perkembangan ekonomi tidak menjejaskan keseluruhan rancangan-rancangan yang sedang diusahakan bahkan kadar inflasi akan hanya meningkat sedikit di antara 4 sehingga 5% bagi tahun 1980. Di samping itu perkembangan ekonomi terus berlaku dengan meningkat di antara 6 sehingga 8% iaitu satu pertumbuhan yang amat memberangsangkan dibandingkan negara-negara jiran, lebih-lebih lagi jika dibandingkan dengan negara-negara perindustrian yang lebih maju. Kesemua ini dengan jelas menunjukkan prestasi yang sungguh menggalakkan yang

telah dicapai melalui dasar fiscal dan wang yang telah ditimbulkan oleh Kerajaan pada tahun 1979, umumnya melalui rancangan-rancangan yang telah diusahakan menerusi Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, strategi Belanjawan yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini menekankan usaha-usaha Kerajaan ke arah mencapai matlamat-matlamat yang khusus iaitu untuk mendorong pertumbuhan ekonomi dan menyekat inflasi, terutama bagi meringankan kesusahan-kesusahan golongan-golongan yang miskin dan berpendapatan rendah. Strategi ini amat menarik, Tuan Yang di-Pertua, menarik kerana kita masih confident bahawa kita akan dapat meneruskan program-program dan rancangan-rancangan pembangunan untuk meningkatkan prestasi ke arah pertumbuhan ekonomi walaupun kita sedar bahawa seluruh dunia sedang akan menghadapi tekanan inflasi yang amat buruk yang juga akan membawa kesannya kepada negara kita. Lebih menarik dan penting lagi hakikat ini ialah bahawa keadaan inflasi dan ekonomi yang lembab (depression) dijangka akan terus berlaku dalam tahun-tahun 80an sedangkan umumnya kita menyedari tahun-tahun 80an ini amatlah penting bagi kita untuk meningkatkan prestasi dan usaha gigih kita bagi memastikan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru dalam tahun 1990. Apakah kita akan membiarkan pergolakan sosio-ekonomi dan politik yang berlaku di sekeliling kita dalam dan di luar negeri terus berkembang dengan kesan-kesan demonstrasi, terutamanya inflasi yang di-impot melimpah dan membantut perancangan sosio-ekonomi kita dan justeru itu mengancam pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru? Atau kita akan terus bertindak mulai sekarang untuk merancang dan menyusun kembali strategi-strategi kita dengan rancangan-rancangan yang lebih berani dan at all costs dan mungkin dengan jiwa dan raga kita bagi menentukan supaya kejayaan Dasar Ekonomi Baru tidak menjadi angan-angan Mat Jenin sahaja.

Sesungguhnya, Tuan Yang di-Pertua, kebimbangan ini ada di kalangan kita iaitu kebimbangan bahawa keadaan inflasi yang tidak dikawal dan dibendung akan mengancam pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru. Menyedari hakikat inilah Tuan

Yang di-Pertua, saya bercadang untuk mengemukakan satu program 10 penjur (10 point-programme) sebagai satu tindakan dan pendekatan yang integrated yang bertujuan dan membendung inflasi. Saya bukanlah seorang pakar ekonomi yang boleh meyakinkan bahawa sekiranya keseluruhan rancangan ini dilaksanakan, dan dilaksanakan dengan jayanya inflasi akan dihapuskan akan tetapi pendapat saya sebagai seorang layman mungkin dapat difikirkan oleh mereka yang lebih pakar lagi demi untuk mengatasi masalah yang kita hadapi sekarang. Program 10 penjur ini ialah pertamanya supaya Kerajaan mengadakan suatu skim kawalan harga barang-barang perlu yang lebih berkesan termasuk satu skim menstabilkan harga barang-barang pengguna, iaitu meliputi mengadakan garis-garis dan peraturan-peraturan tertentu mengenai penetapan harga barang-barang utama pengguna, terutamanya barang-barang makanan.

Keduanya, untuk mengadakan suatu skim yang disatukan untuk menggalak simpanan dan pelaburan (saving and investment incentive scheme) untuk individu termasuk menaikkan kadar faedah simpanan di bank dan menggalakkan penubuhan tabung-tabung pelaburan terutama bagi masyarakat bumiputra. Dengan potongan cukai berjumlah \$482 juta dan subsidi yang berjumlah \$491 juta maka jumlah wang yang akan bertamabah di tangan pengguna ialah sebanyak \$973 juta dan jumlah ini amatlah besar dan akan memberi kesan terhadap kedudukan inflasi sekiranya wang-wang di pasaran terbuka itu tidak disalurkan kepada aktiviti-aktiviti ekonomi iaitu simpanan dan pelaburan.

Ketiganya, mengkaji semula sistem cukai-cukai impot, terutama bagi barang-barang pengguna dan bahan-bahan mentah dan makanan untuk membolehkan industri pembuatan mengeluarkan barang-barang pengguna dengan harga yang lebih murah. Galakan-galakan cukai dan lain-lain kepada industri tersebut perlulah diadakan termasuk kemungkinan penghapusan cukai jualan 5%.

Keempatnya, untuk menambah dan mempergiatkan kempen dan gerakan Rancangan Buku Hijau di seluruh negara dengan membentuk Jawatankuasa Khas Bumi Hijau di peringkat Kebangsaan, Negeri dan Daerah untuk menggerakkan segenap tenaga rakyat

bagi meningkatkan daya dan mutu pengeluaran pertanian termasuk memberikan peruntukan terus kepada kumpulan-kumpulan petani di luar bandar dalam bentuk barang-barang dan bantuan subsidi dan lain-lain dan juga soal memulihkan kawasan-kawasan tanah terbiar diusahakan dengan menubuhkan satu task force, Jawatankuasa Petugas Khas dan lain-lain skim galakan untuk pengusaha-pengusaha bahan-bahan makanan, buah-buahan, sayur-sayuran dan lain-lain lagi.

Kelimanya, menggalak dan menganjorkan gerakan-gerakan pengguna di seluruh negara, termasuk rancangan-rancangan luar bandar, meliputi rancangan bantuan pegawai, penasihat dan galakan-galakan bantuan alat-alat pentadbiran dan kemudahan-kemudahan kepada persatuan-persatuan pengguna yang sedia ada menerusi Majlis Penasihat Perlindungan Pengguna-pengguna Kebangsaan yang juga perlu dipergiatkan usaha-usaha ini.

Perkara yang keenam ialah bagi Kerajaan membantu dan menggalakkan gerakan koperasi diperluas dan di berikan suatu muka baru bagi syarikat-syarikat kerjasama terutama di kawasan-kawasan luar bandar, kawasan-kawasan kampung dan dihidupkan semula dengan diberikan bantuan terus dari segi kewangan dan kepakaran.

Ketujuhnya, suatu kempen jimat-cermat dan jimat tenaga (austerity drive and save energy campaign) dilancarkan ke seluruh negara bagi menerangkan kepada rakyat akan kedudukan dan ancaman inflasi dan menjelaskan peri mustahaknya wang ringgit dan tenaga dijaminat penggunaannya oleh rakyat kerana pembaziran kegunaan tenaga akan hanya membantu menambahkan inflasi.

Kelapannya, di peringkat antarabangsa Kerajaan perlulah mengkaji semula hubungan-hubungan perdagangan dengan negara-negara perindustrian yang lebih maju dan mengurangkan tanggungan negara ini kepada negara-negara tersebut dan di samping itu kita perlu juga meningkatkan gerakan kerjasama ekonomi di kalangan negara-negara ASEAN dengan menambahkan perdagangan multi-lateral dan meningkatkan usaha mengadakan Stok Penimbal bagi bahan-bahan makanan yang utama.

Kesembilan ialah mengkaji kemungkinan mengadakan peraturan dan perundangan-perundangan tertentu bagi mencegah peniaga-peniaga mengambil keuntungan yang

melampau (profiteering) bagi mengelakkan "cost-pushed inflation". Perkara yang kesepuluh, Tuan Yang di-Pertua, ialah supaya Kerajaan mengkaji semula Undang-undang Buruh, kesatuan sekerja dan sekim-sekim perkhidmatan dan gaji di sektor awam dan swasta dan meneliti kemungkinan cadangan diadakan undang-undang partial ataupun temporary wage freeze dan tuntutan gaji tidak melebihi 5% atau mengikut angka hargatunjuk pengguna bagi sektor awam dan industri tertentu di sektor swasta, untuk mengelakkan kenaikan inflasi dan pembantuan perkembangan industri-industri terpenting dengan adanya mogok dan lain-lain tindakan perusahaan. Atau juga kemungkinan untuk diharamkan tindakan perusahaan dan menubuhkan satu Tribunal ataupun Jawatan-kuasa Tertinggi di peringkat Menteri dengan kuasa-kuasa tertentu untuk memutuskan tuntutan gaji.

Perkara-perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, bukanlah perkara-perkara yang meliputi rancangan-rancangan tindakan yang menyeluruh tetapi saya sedar untuk melaksanakan sepenuhnya cadangan-cadangan tersebut adalah tidak mustahil tetapi akan mengambil masa. Namun begitu kita perlulah menyedari bahawa inflasi tidak akan dapat menunggu sesiapa pun dan kita akan hanya terkejut sekiranya ia telah dapat menakluki pertumbuhan socio-ekonomi negara sekiranya suatu rancangan jangka panjang dan jangka pendek tidak disusun mulai sekarang. Dan jika ini telah berlaku, maka amatlah sukar bagi kita mengurangkan bahkan inflasi ini akan berlipatganda iaitu spiral yang terus akan mengancam ekonomi negara dan akhirnya menggagalkan rancangan-rancangan kita untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Kita juga perlu menyedarkan rakyat akan musuh yang kita hadapi ini malahan kita perlu menggembeling seluruh tenaga yang ada pada kita untuk membentasi musuh tersebut. Peranan mass-media di dalam hal ini amat berkesan dan penekanan dan perhatian yang lebih berat perlulah diberikan oleh akhbar-akhbar dan mass-media tempatan terhadap masalah inflasi.

Aspek kedua yang ditekankan di dalam strategi Belanjawan 1980 ini adalah masalah menyusun semula ekuiti dan struktur organisasi syarikat-syarikat swasta sesuai dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru iaitu untuk

menentukan sekurang-kurangnya 30% daripada ekuiti, peluang pekerjaan dan pemasaran dikuasai oleh bumiputra sehingga tahun 1990.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang begitu bijak menggunakan dan menggubal sistem-sistem cukai yang disesuaikan dengan Dasar Ekonomi Baru khususnya di dalam memberikan galangan-galakan dan pelepasan cukai kepada syarikat-syarikat yang mematuhi dan memenuhi hasrat Dasar tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa sektor swasta juga perlu menyokong dan membantu kita dengan lebih giat untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan pelaburan yang seimbang di bawah Dasar Ekonomi Baru. Oleh yang demikian tawaran yang telah dibuat oleh Kerajaan kepada syarikat-syarikat untuk mematuhi Dasar Ekonomi Baru dengan pengurangan cukai pendapatan 5% menjadi 35% dan pengecualian cukai pembangunan 5% haruslah mendapat sambutan sektor swasta. Kelonggaran tempoh pelaksanaan diberikan dengan menjelaskan bahawa kedua-dua galakan ini akan berlangsung selama 3 tahun mulai tahun taksiran 1980 sehingga 1982. Pihak swasta haruslah mengangap tawaran ini sebagai satu amaran terakhir Kerajaan dan mestilah bertindak mulai sekarang bagi menyusun semula struktur organisasi mereka selaras dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru.

Kepada Kerajaan kita menegaskan betapa pentingnya dilaksanakan sepenuhnya segala Akta dan undang-undang yang ada bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru dan jangan terlalu memanja-manjakan mana-mana pihak yang cuba melengah-lengahkan bahkan menghalang pencapaian hasrat rakyat bumiputra itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah menyuarakan pendapat dan cadangan saya di Dewan yang mulia ini semasa membahaskan Rang Undang-undang Akta Penyelarasan Perindustrian (Pindaan), 1979 agar syarikat-syarikat yang mematuhi Dasar Ekonomi Baru dengan melaksanakan rancangan tersebut di dalam soal ekuiti dan lain-lain lagi diberikan galakan dalam bentuk pelepasan cukai dan lain-lain sekim galakan. Alhamdulillah, nampaknya perkara tersebut telah

diberi perhatian oleh Kerajaan dan bagi syarikat-syarikat yang mematuhi Dasar Ekonomi Baru sekarang akan memperoleh bonus sekurang-kurangnya 10% dan pengurangan dan pelepasan cukai yang disebutkan di atas tadi.

Sektor swasta, Tuan Yang di-Pertua, haruslah mempunyai pandangan yang jauh dan lebih rasional dan bersungguh-sungguh dalam membantu Kerajaan mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Kita masih mendengar sungutan di kalangan bumiputra tentang kesulitan mendapatkan agensi dan franchise iaitu hak-hak pengedaran dan sebagainya dari syarikat-syarikat swasta sedangkan bumiputra tersebut mempunyai kebolehan dan keupayaan dari segi modal dan pengalaman. Syarikat-syarikat petroleum di negara ini umpamanya masih perlu mengkaji semula dasarnya untuk menambah lebih ramai wakil-wakil mereka dari kalangan bumiputra. Demikian juga di dalam bidang pengedaran kereta-kereta dan barang-barang berguna.

Demikian juga, Tuan Yang di-Pertua, penglibatan kaum bumiputra di peringkat pengurusan di syarikat-syarikat swasta masih belum memuaskan. Amalan diskriminasi yang diamalkan oleh sebahagian syarikat-syarikat terhadap pekerja-pekerja bumiputra hendaklah diberhentikan. Mencabar Dasar Ekonomi Baru dengan meletakkan bumiputra di dalam suatu jawatan di peringkat pengurusan tetapi hanya diberi tugas-tugas pentadbiran dan routine sahaja amatlah dikesalkan. Demikian juga mengambil pekerja-pekerja bumiputra di emporium-emporium dan kilang-kilang sebagai melepaskan batu ditangga sahaja juga mencabar keutuhan Dasar Ekonomi Baru.

Ada juga syarikat-syarikat yang menawarkan agensi kepada syarikat dan bumiputra perseorangan mengenakan syarat-syarat yang berat yang menyulitkan kaum bumiputra menjayakan perniagaan-perniagaan mereka. Ada juga di kalangan syarikat induk yang memberikan agensi pengedaran barang-barang seperti makanan dan sebagainya tidak memberikan layanan yang memuaskan kepada peniaga-peniaga bumiputra seperti tidak membekalkan barang-barang yang mencukupi untuk pengedaran. Sikap dan layanan yang berbeza di antara peniaga-peniaga bumiputra dan bukan bumiputra ini hendaklah dihentikan dan kita berharap supaya syarikat-syari-

kat tersebut memberikan perhatian yang lebih objektif dalam memberi layanan berdasarkan kecekapan dan keupayaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mempercepatkan proses penyusunan semula sektor ekuiti untuk bumiputra di sektor swasta maka adalah dicadangkan supaya syarikat-syarikat yang diiktiraf bumiputra iaitu di mana ekuitinya 50% ataupun lebih dimiliki oleh bumiputra maka cukai pendapatan syarikat tersebut diberikan pelepasan cukai lagi sebanyak 10% dan dengan ini mereka hanya akan membayar 30% cukai pendapatan mulai 1980. Pelepasan cukai tersebut amatlah berguna supaya melalui keuntungan-keuntungan yang tidak dicukai itu iaitu 10% syarikat-syarikat tersebut akan dapat melaburkan semula keuntungan tersebut bagi mempercepatkan pencapaian hakmilik bumiputra dari segi ekuiti. Peraturan-peraturan tertentu bolehlah dikenakan kepada syarikat bumiputra tersebut supaya tidak mengisytiharkan bayaran dividen lebih daripada 10% ataupun ditentukan bahawa keuntungan 10% itu diwajibkan dilaburkan semula (reinvested) dari keuntungan bersih tiap-tiap tahun kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam soal menyusun semula sektor ekuiti oleh syarikat-syarikat swasta bagi menerima (accommodate) kehendak pelepasan cukai yang dicadangkan lebih awal tadi adalah dijangka bahawa sebab-sebab (excuse) akan diada-adakan oleh syarikat-syarikat yang tidak ikhlas dengan mengatakan tidak ada kalangan bumiputra yang akan memenuhi ekuiti 30% sebagaimana dikehendaki untuk qualify atau berhak mendapat pelepasan cukai tersebut. Perkara ini haruslah dipandang berat oleh kita malahan satu perancangan yang rapi perlu diatur dan peranan-peranan tertentu diberi kepada agensi-agensi kewangan dan badan-badan berkanun untuk menentukan supaya tawaran-tawaran ekuiti oleh syarikat-syarikat swasta tersebut kepada bumiputra diambil.

Saya memerhatikan bahawa sebanyak \$300 juta telah ditambah kepada yayasan pelaburan bumiputra untuk mempergiatkan usaha-usaha ke arah pemilikan modal kaum bumiputra. Demikian juga saya sukacita mendengar bahawa dalam Belanjawan 1980 sebanyak \$256 juta lagi dicadangkan disediakan sebagai tambahan kepada PERNAS, UDA dan MARA dan adalah diharapkan sebahagian dari wang tersebut akan digunakan untuk dijadikan sebagai wang cagaran

untuk membeli saham-saham yang akan ditawarkan oleh syarikat-syarikat swasta yang tidak dapat dibeli oleh syarikat-syarikat bumiputra dan orang-orang perseorangan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan usaha-usaha sedang dijalankan oleh Kerajaan untuk memindah milik saham-saham yang dipegang oleh syarikat-syarikat awam kepada bumiputra dan rancangan ini akan dimulakan pada pertengahan tahun 1981 maka saya sukalah mengesyorkan supaya syarikat awam yang pertama yang akan diserahkan itu ialah Bank Bumiputra Malaysia Bhd. Bank Bumiputra Malaysia Bhd. adalah satu-satunya syarikat awam yang paling berjaya dan memperolehi keuntungan yang besar pada tiap-tiap tahun. Bagi mengelakkan rancangan ini dimonopoli oleh segolongan orang-orang sahaja maka saya suka mencadangkan supaya quota-quota berikut dikenakan iaitu daripada jumlah semua harta dan milik Bank itu 40% hendaklah dimiliki atau dijual kepada Yayasan Pelaburan Bumiputra, 30% kepada Agensi Kewangan Bumiputra atau Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri, 20% kepada Syarikat-syarikat Bumiputra dan 10% kepada orang-orang perseorangan bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Usul Belanjawan 1980 ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya jempot Ahli Yang Berhormat dari Sarikei.

5.24 ptg.

**Tuan Chieng Tiong Kai (Sarikei):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih dan bergembira menyokong Belanjawan tahun 1980 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan di dalam Dewan yang mulia ini pada 18hb Oktober, 1979.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian di sini atas beberapa perkara berikut. Pertama saya rasa sangat berpuas hati dengan cadangan Kerajaan yang diumumkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan atas wang peruntukan yang banyak itu telah disediakan bagi meninggikan taraf hidup rakyat khususnya rakyat yang miskin akan mendapat faedahnya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak masih dalam keadaan ketinggalan maka rakyat Sarawak sedang menunggu Kerajaan Pusat menyediakan lebih banyak lagi wang peruntukan untuk melaksanakan rancangan-rancangan luar bandar di Sarawak. Tidak berapa lama dahulu dari keputusan pilihanraya Undangan Negeri Sarawak telah membuktikan bahawa rakyat negeri Sarawak memerlukan bantuan dari Kerajaan Pusat sebab itu mereka menyokong Barisan Nasional dengan sepenuh hati, walaupun kempen parti Pembangkang telah dilancarkan dengan berapi-api tetapi rakyat Sarawak faham bahawa parti Pembangkang tidak mampu menolong rakyat hanya membelahkan perpaduan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya ingin membangkitkan sesuatu hal yang penting tentang seorang Ahli Yang Berhormat dari Parti DAP yang berucap menyatakan keperluan mengadakan pasport bagi rakyat dari Semenanjung Malaysia yang hendak melawat negeri Sabah dan Sarawak. Tetapi rakyat Sarawak tentu tidak bersetuju dengan cadangan itu. Saya anggap Kerajaan Pusat harus menghargai pendapat rakyat negeri Sarawak dan mempertahankan negeri Sarawak dengan keadaan sekarang supaya tidak menimbulkan perkauman rakyatnya dan mempengaruhi pembangunan negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit berkaitan dengan masalah pertanian. Di kawasan saya Sarikei kebanyakan petani-petani adalah pekebun-pekebun kecil. Mereka sangat kekurangan modal dan tanah khasnya petani-petani lada. Walaupun Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah mengumumkan atas mengurangkan cukai eksport lada cukainya akan hanya dikenakan pada harga-harga melebihi \$130 sepikul untuk lada hitam dan \$160 sepikul untuk lada putih. Tetapi megikut kiraan yang patut bagi perbelanjaan menanam lada saya mencadangkan supaya cukai lada hitam harus dikenakan pada harga-harga yang melebihi \$150 sepikul dan lada putih \$180 sepikul. Di samping itu saya merayu kepada Kerajaan mengurangkan cukai import baja dan racun serangga dan rumput supaya meringankan bebanan petani-petani itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam beberapa tahun yang lalu saya telah membangkitkan masalah jalanraya di negeri Sarawak. Pada

kali ini saya ingin mengemukakan perkara ini sekali lagi untuk perhatian Menteri-menteri yang berkenaan.

Jalanraya di Sarawak jikalau dibandingkan dengan jalanraya di Semenanjung Malaysia, Sarawak masih ketinggalan melebihi 20 tahun. Misalnya sebuah jalanraya dari Simanggang ke Sibu walaupun sudah lama dibina tetapi jalan ini sampai masa sekarang masih sebuah jalan tanah. Kalau dalam musim tengkujuh iaitu dari bulan Oktober hingga bulan Mac jalan ini hampir tidak dapat digunakan langsung sebab terlalu lecah. Inilah yang menimbulkan banyak masalah perasaan tidak puas hati di kalangan penduduk yang tinggal di sekitarnya.

Oleh sebab itu, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan memperbaiki jalan ini supaya menjadi sebatang jalanraya tar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga memberitahu kepada pihak-pihak yang berkenaan bahawa kerjanya adalah di bawah kelolaan JKR Sarawak. Jabatan ini tidak dapat menjalankan projek ini dengan sebab kekurangan tenaga kakitangan yang mahir dan jentera-jentera untuk menjalankan tugas-tugas yang perlu khususnya di Bahagian Keenam, Sarikei. Saya harap Kerajaan akan membuat kajian yang lebih teliti berkaitan dengan masalah tersebut.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*.)

Selain dari itu saya ingin menyentuh masalah bekalan air terutama sekali di luar bandar dan sekitar bandar Sarikei dan bandar Binatang. Kalau dalam musim kemarau iaitu dari bulan Mei hingga bulan Oktober tiap-tiap tahun di kawasan Sarikei selalu menghadapi kekurangan bekalan air dan juga mendapati air masin. Masalah tersebut mempengaruhi kesihatan penduduk-penduduk sangat serius. Saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan mengambil langkah untuk memperbaiki bekalan air di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, tentang bekalan elektrik penduduk-penduduk luar bandar di kawasan saya juga menjadi satu masalah yang belum dapat diatasi.

Pada masa sekarang bekalan elektrik di Sarikei hanya sampai 5 batu dari bandar dan di Binatang cuma sampai 1½ batu dari bandar, sebab itu saya mengesyorkan bekalan elektrik untuk kedua-dua kawasan ini disambungkan menjadi satu sistem bekalan elektrik.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya memberi tahniah kepada Menteri Kewangan dan saya menyokong penuh usul Belanjawan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

5.34 ptg.

**Tuan Karpal Singh (Jelutong):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi terima kasih kerana diberi peluang mengambil bahagian di dalam perbahasan ini.

Tuan Speaker, Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan ketika membentangkan belanjawan telah berkata bahawa tidak diragu-ragukan kita telah dan sedang menghadapi masa-masa genting. Yang Berhormat Menteri selanjutnya telah berkata Kerajaan telah dan akan terus memberi pimpinan dan arahan akan tetapi kekuatan yang sebenarnya hendaklah dari rakyat.

Tuan Speaker, jelaslah Menteri Kewangan sendiri telah mengaku bahawa kita telah dan sedang menghadapi masalah yang genting. Menteri Kewangan telah berkata dengan tepatnya bahawa kita sama-sama mara ke hadapan bersatu teguh. Untuk mencapai ini Kerajaan hendaklah memelihara aspek budaya, moral dan ugama serta cara hidup rakyat kita.

Tuan Speaker, Malaysia adalah sebuah negara penuh dengan sumber alam. Setiap orang boleh hidup di Malaysia selagi terdapat perpaduan negara. Dan untuk menentukan terdapat perpaduan negara yang sebenarnya dan bererti hendaklah diadakan toleransi ugama.

Tuan Speaker, sungguh malangnya saya telah digantung dari Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang kerana tidak mematuhi . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa kena-mengena dengan Dewan Rakyat ini?

**Tuan Karpal Singh:** Itu betul, Tuan Speaker, tetapi dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang itu apabila saya mahu berucap atas satu isu patung Kuan Yin, Tuan Speaker Dewan Undangan Negeri . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak campur di dalam masalah itu. Sudah, teruskan. Saya tidak hendak campur.

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Speaker, saya berucap oleh kerana saya tidak mahu satu lagi peristiwa semacam itu berlaku di sini. Jikalau Tuan Speaker beri arahan begitu, saya teruskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak ada apa-apa larangan terlebih dahulu.

**Tuan Karpal Singh:** Baik, Tuan Speaker, terima kasih.

Tuan Speaker, di dalam Dewan Rakyat pada 22hb Oktober, 1979 ketika menjawab soalan Ahli Parlimen PAS kawasan Bachok, Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah berkata bahawa patung Kuan Yin tersebut tidak akan dibina dan sebaliknya sebuah rumah ibadat akan dibina.

Menteri berkenaan juga menurut pengakuannya Jawatankuasa Pembinaan Patung tersebut telah memutus menggugurkan rancangannya untuk membina patung tersebut dan sebaliknya akan membina rumah ibadat.

Tuan Speaker, pelan-pelan untuk pembinaan patung tersebut telahpun diluluskan oleh pihak berkenaan pada tahun 1976 apabila Parti PAS masih berada di dalam gabungan Barisan National. Mengapa PAS tidak membantah projek tersebut ketika itu? Mengapa orang-orang lain tidak membantah pada masa itu, Tuan Speaker.

Tuan Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang telah berkata Persatuan Ulama Pulau Pinang telah membantah pembinaan patung tersebut dan saya difahamkan UMNO juga telah membantah!

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah berkata Jawatankuasa pembinaan Patung tersebut telah memutus untuk mengganti patung tersebut dengan sebuah rumah ibadat.

Tuan Speaker, hingga hari ini Jawatankuasa tersebut masih belum lagi mengeluarkan sebarang kenyataan berkenaan dengan perkara ini dan adalah jelas perkara ini adalah lebih mendalam daripada apa yang kita tahu.

Tuan Speaker, pertama, apa kena mengenai projek ini dengan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri? Tidakkah soal keselamatan dalam negeri terlibat. Selepas kenyataan Yang Berhormat Menteri itu dalam Parlimen pada 22hb Oktober, 1979, Penolong Setiausaha Negeri Parti Gerakan Pulau Pinang, Dr Ong Heng Tee telah berkata kerja membina patung itu akan berjalan. Beliau juga berkata Yang Berhormat Encik Khor Gak Kim seorang ahli EXCO yang mewakili Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr Lim Chong Eu, telah meletak batu asas patung tersebut pada 18hb Februari, 1979. Dr Ong selanjutnya berkata; "There is thus no question that the statue will be replaced with a temple".

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta izin dulu!

**Tuan Karpal Singh:** Minta izin, Tuan Speaker. Dr Ong juga telah berkata pemimpin-pemimpin dan Menteri-menteri Gerakan sedang bekerja secara senyap-senyap untuk mendapatkan projek tersebut bergerak. Kenyataan Dr Ong ini adalah bertentangan dengan kenyataan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang dibuat di dalam Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya syak Jawatankuasa Pembinaan Patung itu bukanlah bertindak atas usahanya sendiri. Tetapi telah menyerahkan diri kepada tekanan-tekanan jika benar projek pembinaan patung tersebut telah tergugat. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini Jawatankuasa Pembinaan Patung itu tidak menyebut apa-apa tentang perkara ini. Saya mengaku Ahli-ahli Jawatankuasa itu adalah orang-orang yang mempunyai integriti dan mempunyai rekod perkhidmatan awam yang baik. Akan tetapi, mengapa mereka tidak menyokong kenyataan Yang Berhormat Menteri yang dibuat di dalam Dewan ini pada 22hb Oktober. Batu asas patung tersebut mengandungi nama Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr Lim Chong Eu. Saya kesal Dr Lim Chong Eu tidak menyebut apa-apa tentang projek ini di dalam Dewan Undangan

Negeri Pulau Pinang minggu lepas. Apakah beliau takut untuk mendedahkan kepada orang ramai apa yang sebenarnya telah berlaku yakni terdapat kuasa-kuasa lain yang bekerja untuk memastikan projek itu tidak akan menjadi satu realiti? Apakah beliau takut beliau akan hilang jawatan Ketua Menteri itu jika beliau menentang kehendak UMNO? UMNO mempunyai 9 buah kerusi, Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan parti Gerakan hanya 8 buah.

Tuan Yang di-Pertua, Dr Lim Chong Eu telah mengkhianati rakyat Pulau Pinang beberapa kali. Partinya ketika itu parti Pembangkang telah memenangi pilihanraya umum tahun 1969 dan mandat yang diberikan oleh rakyat telahpun dikhianati oleh beliau. Dr Lim juga telah serahkan taraf pelabuhan bebas yang traditional itu kepada Kerajaan Federal on a silver platter. Saya kesal bantahan-bantahan terhadap projek Kuan Yin dari Persatuan Ulama Pulau Pinang dan UMNO. Ahli Yang Berhormat dari Bachok telah mengatakan patung tersebut bertujuan untuk merendahkan dan mencabul syiar Islam sebagai agama rasmi di Malaysia yang menekankan ajaran tauhid. Saya tidak nampak bagaimana patung tersebut boleh merendahkan dan mencabul agama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak boleh tunduk kepada tekanan dari mana-mana golongan fanatik. Jika kita hendak bersatu-padu hendaklah diadakan toleransi agama. Tuan Yang di-Pertua, Perkara 3 Perlembangan Persekutuan berbunyi:

*(Dengan izin)*

“3 (1) Islam is the religion of the Federation; but other religions may be practised in peace and harmony in any part of the Federation.”

Jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri di dalam Dewan Rakyat mengejutkan rakyat seluruh negara. Projek yang dirancang dahulu sedang berjalan dan akan siap pembinaannya tidak lama lagi. Projek tersebut adalah rancangan (brain-child) Ketua Padri Rev. Pai Shen dari kuil Kek Lok Si Pulau Pinang. Projek tersebut, Tuan Yang di-Pertua, yang mempunyai lotus flower base tinggi 12 kaki dengan diameter seluas 40 kaki. Kerja piling sedalam 20 kaki

telahpun siap dan struktur-struktur besi untuk menyokong patung fibreglass itu sudah pun dibina. Saya difahamkan beberapa bahagian patung itu telah sampai dari Taiwan dan bahagian-bahagian itu cuma perlu dipasang semula ditapak tersebut. Orang ramai khawatir bahawa projek tersebut mungkin dibatalkan.

Tuan Yang di-Pertua, projek patung itu bukan sahaja akan menguntungkan penganut-penganut Kuan Yin bahkan juga akan menguntungkan negeri Pulau Pinang kerana patung itu juga akan merupakan satu tourist attraction. Pulau Pinang mempunyai Belanjawan yang berkurangan untuk tahun 1980 dan negeri tersebut memerlukan wang memandangkan terdapat projek-projek yang prestigious seperti KOMTAR dan kami khawatir projek KOMTAR mungkin akan menyebabkan negeri Pulau Pinang menghadapi kesulitan dari segi kewangan. Projek Kuan Yin mempunyai kesan-kesan ke atas negara kita yang ia juga merupakan satu ujian untuk menentukan sama ada toleransi agama wujud di negara kita dan bukan hanya wujud begitu sahaja di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Kerajaan telah secara terang-terang mengancam pemusnahan patung-patung di kuil-kuil Hindu di negara ini. Janganlah patung Kuan Yin ini pula menjadi sasaran orang-orang fanatik. Kita mestilah menyesuaikan toleransi agama dan Tuhan bukanlah terhad kepada sesuatu kaum atau bangsa sahaja. Rukunegara, Tuan Yang di-Pertua, sendiri menyatakan tentang kepercayaan kepada Tuhan. Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita telah bercadang mengadakan pengajian Islam untuk murid-murid Islam di dalam sekolah-sekolah. Akan tetapi murid-murid bukan beragama Islam kini diajarkan etik (ethic) dan mereka hendaklah diajar tentang agama-agama masing-masing supaya menentukan pelajar-pelajar kita dari mulanya diajar tentang kepercayaan terhadap Tuhan.

Tuan Yang di-Pertua, percubaan-percubaan telah dibuat dan akan dibuat untuk mengenakan Undang-undang Khalwat ke atas orang-orang bukan Islam. Kerajaan tidaklah boleh menyerahkan diri kepada fanatik-fanatik ini. Perlembagaan kita mengakui masyarakat kita adalah sebuah masyarakat berbilang bangsa. Jika undang-undang Islam dikenakan ke atas orang-orang bukan Islam ini akan bermakna penganiayaan ke

atas orang-orang bukan Islam. Tuan Yang di-Pertua, khalwat merupakan satu masalah sosial akan tetapi mengenakan Undang-undang Khalwat ke atas orang bukan Islam untuk menghapuskan masalah sosial ini tidaklah menjadi jawapan tepat kepada masalah ini.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah beberapa kali menuduh parti DAP, baik pun di dalam Dewan ini atau di luar sebagai mengeksploitkan isu-isu perkauman dan sensitif. Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih juga melancarkan serangan-serangan ke atas DAP yang tidak perlu. Tuan Yang di-Pertua, Dr. Lim Chong Eu juga telah menuduh pemimpin-pemimpin DAP di Pulau Pinang sebagai menghidupkan emosi berkaitan dengan isu patung Kuan Yin di sana. Parti DAP adalah sebuah parti yang berbilang bangsa dan bukan seperti parti-parti UMNO, MCA, dan MIC. Kami mempercayai sungguh-sungguh di dalam multi-racialism di dalam sebuah masyarakat berbilang agama . . . . .

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini berkenaan apa?

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:**  
Untuk penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau minta penjelasan di bawah Peraturan Mesyuarat 37 (b), kalau dia hendak beri jalan, boleh.

**Tuan Karpal Singh:** Kalau on a point of order, saya boleh beri jalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya kata bukan on a point of order.

**Tuan Karpal Singh:** Saya tidak beri jalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau tidak beri jalan, teruskan!

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, parti DAP adalah sebuah parti yang berbilang bangsa dan bukan seperti parti-parti UMNO . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payahlah diulangkan lagi.

**Tuan Karpal Singh:** Baiklah. Sokongan terhadap konsep kita, Tuan Yang di-Pertua, kian bertambah dan bukan seperti . . . . .

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini apa lagi!

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:**  
On a point of order 37(a).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat (kepada Tuan Karpal Singh) duduk sekejap! Apa point of ordernya?

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:**  
37 (a).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yalah, apa point of ordernya?

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:**  
Kerana dia tidak menumpukan perbahasannya kepada Belanjawan yang kita bentangkan pada hari ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak payahlah, itu kerja saya. (Ketawa) Sila teruskan!

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, tentu ada kaitannya dengan apa yang saya cakapkan oleh kerana apa. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apalah, teruskan.

**Tuan Karpal Singh:** Menteri Kewangan bercakap dalam ucapannya hendaklah ada perpaduan, jika tidak ada, perpaduan susahlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu sebab saya benarkan, kalau tidak, saya sudah tahan.

**Tuan Karpal Singh:** Terima kasih. Sokongan terhadap konsep kita kian bertambah bukan seperti parti Gerakan hanya merupakan satu 'empty shell' tanpa apa-apa isi sepertimana terbukti di dalam pilihanraya kecil Kampung Kolam dalam bulan November tahun lalu di mana parti DAP telah berjaya memperolehi majoriti yang besar.  
**Tuan Yang di-Pertua:**

Tuan Speaker, adalah menjadi harapan saya Kerajaan tidak ada serahkan diri kepada tekanan-tekanan dari mana-mana pihak pun dan membenarkan projek patong Kuan Yin itu terus dibina.

Tuan Speaker, Perdana Menteri kita semasa merasmikan Persidangan Kelima Undang-undang pada 25hb Oktober, 1979 telah berkata Kerajaan mempertahankan dan membela hak-hak manusia. Beliau juga telah berkata terdapat beberapa jaminan dan cara-cara dengan mana-mana hak-hak manusia di Malaysia dilindungi. Jika ini adalah benar mengapa laporan Amnesty International diharamkan baru-baru ini dan mengapa isu "Asiaweek" pula diharamkan baru-baru ini dalam negeri ini.

Perdana Menteri kita telah mengatakan secara umum bahawa mereka yang ditahan di bawah Akta ISA bukanlah banduan-banduan politik tetapi mereka ditahan kerana kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah ISA. Jika mereka yang ditahan di bawah ISA itu benar-benar melakukan kesalahan maka mereka mestilah beritahu tentang kesalahan mereka itu dan dibicarakan di dalam sebuah mahkamah. Sebenarnya seksyen 8, Akta ISA memperuntukkan bahawa seseorang boleh ditahan atas kemahuan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk tempoh selama 2 tahun. Saya ingin tahu apakah kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan oleh Ahli Parlimen DAP bagi kawasan Sungai Besi dan juga Ahli Parlimen DAP bagi kawasan Batu Gajah sehingga mereka kedua ini ditahan sehingga sekarang.

Tuan Speaker, seksyen 8 tidak menyebutkan satu kesalahan, ia hanya memperuntukkan kuasa untuk menahan seorang atas kemahuan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Terdapat seksyen 57 yang memperuntukkan hukuman mati ke atas sesiapa yang memiliki senjata api atau peluru tetapi itu bukan apa yang ada di bawah seksyen 8.

Tuan Speaker, Encik Abdullah Ahmad dan Abdullah Majid juga telah ditahan di bawah Akta ISA. Abdullah Ahmad merupakan seorang yang mempunyai kuasa semasa pemerintahan Tun Abdul Razak. Beliau telah dituduh sebagai agen Komunis Russia. Jika ini benar, maka Menteri-menteri kita yang rapat dengannya juga pasti akan dipengaruhi. Adakah Kerajaan membuat apa-apa untuk menentukan bahawa pengaruh

Abdullah Ahmad ke atas mereka itu telahpun kikis ataupun adakah rakan-rakan Abdullah Ahmad masih memegang jawatan-jawatan yang penuh dengan kuasa dan hanya menunggu masa yang sesuai untuk menguasai Kerajaan?

Tuan Speaker, Perdana Menteri kita telah menegaskan bahawa Kerajaan mempertahankan hak-hak manusia. Sekarang tahanan-tahanan politik dibawa ke hospital dengan tangan mereka digari. Apakah perbuatan ini mempertahankan hak-hak manusia? Perdana Menteri kita telah menitikberatkan bahawa kuasa-kuasa telahpun diberikan oleh Akta ISA dan Peraturan-peraturan Darurat digunakan apabila keadaan memerlukannya. Adakah Akta ISA perlu digunakan dalam kes budak berumur 14 tahun yang dihukum mati kerana memiliki sepucuk pistol dan peluru di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang dalam bulan Ogos, 1977. Bekas Menteri Undang-undang dan Peguam Negara sendiri telah mengaku bahawa kes tersebut tidak dirujuk kepada beliau sebelum budak tersebut didakwa tetapi Menteri itu sendiri telah berjanji bahawa setiap kes yang dibicarakan di bawah Peraturan-peraturan Darurat akan dikaji dan diteliti olehnya sendiri dan Perdana Menteri kita sekarang pula berkata bahawa Kerajaan tidak pernah memaaf atau membenarkan salahguna tadbiran kuasa-kuasa ini.

Perdana Menteri kita berkata majority rakyat kita selalu telah menyokong Kerajaan berkait dengan Akta ISA dan Peraturan-peraturan Darurat ini dan mereka telah mengundi Kerajaan Barisan Nasional dalam tiap-tiap pilihanraya umum. Nampaknya Peraturan-peraturan Kes-kes Keselamatan Perlu tahun 1975 tidak menerima sokongan rakyat di bandar-bandar memandangkan parti DAP telah menang di kawasan-kawasan bandar di mana penduduk-penduduk di kawasan-kawasan bandar adalah lebih berpendidikan dan dapat menghargai isu-isu. Dalam pada itu seterusnya diingatkan bahawa Barisan Nasional hanya telah perolehi 58% undi-undi dalam pilihanraya umum yang lalu dan undi-undi hanya datang dari kawasan-kawasan luar bandar.

Tuan Speaker, salahguna kuasa ISA dan Peraturan-peraturan Darurat telah dilakukan oleh Peguam Negara. Ramai orang telah mendapati salah dan telah dihukum mati di bawah ISA kerana memiliki senjatapi dan peluru bilamana tidak ada sebarang unsur political subversion terlibat dan saya tidak memahami mengapa ISA mesti digunakan terhadap semua orang-orang salah dalam soal pemilikan senjatapi dan peluru. ISA menetapkan hukuman mati sebagai mandatory kerana memiliki senjatapi dan peluru. Akta Senjatapi tahun 1960 menetapkan hukuman maksima 7 tahun penjara atau \$10,000 denda atau kedua-duanya kerana memiliki senjatapi dan peluru dan Akta (Penalti Tambahan) Senjatapi tahun 1971 memperuntukkan hukuman penjara selama 14 tahun bersama-sama dengan disebut 6 kali sekurang-kurangnya.

Tuan Speaker, dalam masa lampau bila seorang dihadapkan oleh pihak Polis memiliki sepucuk senapang atau senjatapi, ia biasanya akan serah diri dengan disedari bahawa dia tidak akan dihukum mati. Dengan disedari bahawa akan dihukum mati sekarang di bawah ISA, seorang yang dihadapkan itu akan mengambil satu chance dan akan tembak-menembak dengan Polis dan bukan serah diri kerana kematian pada dirinya tentu akan berlaku walau apapun. Mungkin inilah salah satu sebab mengapa kita dapati banyak peristiwa tembak-menembak. Saya berharap Peguam Negara akan menggunakan budibicaranya dengan adil dan bukan mendedahkan anggota-anggota Polis menghadapi kematian.

Tuan Speaker, Kerajaan tidak menerima keputusan-keputusan mahkamah dalam semangat yang betul baru-baru ini. Rakyat kini hilang kepercayaan terhadap Kerajaan dalam soal keikhlasan Kerajaan terhadap penerimaan keputusan-keputusan Majlis Privy dalam bulan Disember lalu dalam kes Teh Cheng Poh telah diterbalikkan dengan meluluskan Akta Kuasa-kuasa Perlu (Darurat) tahun 1979 yang telah mengesah atau legalise semua hukuman mati ke atas orang-orang yang mendapati salah kerana memiliki senjatapi dan peluru. Akta ini berkuatkuasa mulai daripada 20hb Februari, 1971. Saya berharap Peguam Negara akan merekomendasikan pengampunan bagi mereka ini dan mengesahkan hukuman penjara seumur

hidup dalam semua kes-kes ini kerana Kerajaan tidak boleh morally insist untuk menjalankan hukuman mati selepas kalah kes di Majlis Privy.

Satu lagi kes ialah kes Mahan Singh. Mahan Singh telah menang kesnya dalam Majlis Privy tetapi Kerajaan menggubalkan satu Undang-undang di Parlimen dan mengabadikan orang-orang lain dalam keadaan yang sama seperti Mahan Singh dinafikan hak dan faedah untuk mendapat satu keputusan Majlis Privy dalam kes-kes mereka. Dalam kes ini juga undang-undang ini dikuatkuasakan secara retrospective. Saya berharap Kerajaan akan menimbang memberi pampasan kepada semua orang yang kesnya masih dalam mahkamah semasa keputusan Majlis Privy dibuat dalam kes Mahan Singh.

Tuan Speaker, Kerajaan hendaklah menghormati keputusan-keputusan mahkamah. Tidaklah berguna kita mempunyai kebebasan kehakiman jika Kerajaan akan menggunakan kuasa-kuasa perundangan untuk menebalikkan keputusan-keputusan mahkamah yang menentang Kerajaan.

Tuan Speaker, Pemuda UMNO Bahagian Ipoh telah menghantar satu memorandum kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri lalu mendesak Kerajaan melaksanakan penggunaan Bahasa Malaysia dalam mahkamah seberapa cepat yang boleh. Saya dan parti saya menerima Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan dan rakyat seluruh negara juga menerima hakikat ini, tetapi sistem legal kita adalah diasaskan kepada sistem undang-undang biasa Inggeris. Semua buku undang-undang adalah dalam bahasa Inggeris. Tidakkah boleh digantikan bahasa Inggeris tanpa apa-apa kesan dibawa kepada legislation keadilan.

Bahasa Inggeris adalah lingua franca, Tuan Speaker. Di India bahasa Inggeris diguna secara luas dalam mahkamah dan juga di Parlimen. Di Singapura juga keadaan seperti ini wujud. Di negeri China juga usaha-usaha diambil untuk mengajar dan mempelajari bahasa Inggeris. Ketua Hakim Negara kita Tun Mohamed Suffian menentang pemaksaan mahkamah-mahkamah untuk menggunakan Bahasa Malaysia bagi sementara waktu. Timbalan Perdana Menteri kita juga

telah menegaskan betapa pentingnya bahasa Inggeris sebagai bahasa untuk kemajuan dan bekas Perdana Menteri kita Tunku Abdul Rahman adalah pembela utama bahasa Inggeris. Kerajaan saya rasa memang sedar tentang merosotnya mutu bahasa Inggeris dalam negara kita dan oleh kerana inilah 200 orang guru dari Britain telah diambil untuk mengajar bahasa Inggeris.

Tuan Speaker, Kerajaan tidak boleh ignore Sekolah-sekolah Cina dan Tamil. Perkara 152 dalam Pelembagaan Persekutuan memperuntukkan hak-hak Kerajaan Persekutuan ataupun mana-mana Kerajaan Negeri untuk preserve and sustain penggunaan dan pelajaran satu-satu bahasa mana-mana bangsa lain dalam negara ini. Sekolah-sekolah Cina dan Tamil saya kesal tidak menerima bantuan kewangan yang cukup daripada Kerajaan. Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil di Prai kini menghadapi kekurangan kewangan sebanyak \$50,000 untuk menggantikan bangunan sekolah yang dijilat api dalam bulan Mac tahun ini. Murid-murid sekolah itu kini diajar di tempat terbuka. Tentu sekali penderitaan seumpama ini menarik perhatian pihak berkuasa dengan serta-merta. Saya berharap Kerajaan akan memperuntukkan dengan serta-merta wang yang diperlukan untuk menghabiskan pembinaan sekolah ini. Layanan hendaklah diberi kepada Sekolah-sekolah Cina dan Tamil kerana murid-murid yang belajar di sekolah-sekolah ini juga rakyat Malaysia yang memerlukan perlindungan dan bantuan daripada Kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Jerai.

6.03 ptg.

**Tuan Ismail bin Arshad (Jerai):** Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan negara adalah menjadi perhatian seluruh rakyat kerana dari Belanjawan ini akan mencerminkan dan menentukan haluan ke arah apakah akan memberi jaminan kepada matlamat keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan rakyat seluruhnya ataupun sebaliknya.

Belanjawan 1980 yang dibentangkan di Dewan ini adalah sebaik-baik Belanjawan yang dibuat dan adalah disambut baik oleh

seluruh rakyat walaupun ada pihak-pihak yang tidak berpuas hati itu dan ini. Pihak Pembangkang bagaimana baik pun adalah menjadi sikapnya melahirkan semuanya tidak baik, tidak sesuai dan sebagainya kerana kalau dikata baik maka habislah modal mereka kerana inilah peranan Pembangkang untuk menguatkan perhatian penyokong-penyokongnya supaya merekalah yang baik, tetapi sebenarnya kalau mereka sendiri yang membuatnya pun mungkin tidak sebaik apa yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, biarlah apa mereka kata tetapi rakyat dari berbagai lapisan sedar dan mengetahuinya. Tidak dapat dinafikan bahawa apa yang Kerajaan rancangan tidaklah dapat dijamin semua orang berpuas hati tetapi sekurang-kurangnya bahawa bagi sebahagian rama' ataupun sebahagian besar rakyat adalah baik dan berfaedah.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Laporan Ekonomi 1979 dan 1980 yang dikemukakan di Dewan ini nyatalah bahawa Belanjawan negara bagi tahun 1980 yang dibentangkan bagi kelulusan Dewan ini adalah akan memberikan suatu kesejahteraan kepada rakyat dan membawa pertumbuhan dan perkembangan ekonomi dan sosio-ekonomi serta rakyat dan negara seluruhnya. Ini jelas sekali kerana di samping Kerajaan mengurangkan ataupun memberi perlepasan cukai dari kalangan rakyat dan barangan-barangan tetapi Kerajaan juga menyediakan peruntukan-peruntukan yang besar bagi tujuan perkembangan dan pembangunan yang melengkapinya kemudahan-kemudahan kepada kemajuan dan kesejahteraan rakyat. Misalnya, pertambahan-pertambahan peruntukan untuk pelajaran dan persekolahan, subsidi-subsidi untuk nelayan, petani, pekebun-pekebun kecil, perumahan-perumahan murah awam dan lain-lain. Sungguhpun apa yang Kerajaan sediakan itu menjadi kenyataan dan dinikmati oleh rakyat tetapi anggota-anggota Pembangkang setiap kali pula sentiasa memutarbalikkan kebaikan itu dengan berbagai-bagai sebab dan masalah-masalah kecil yang dikedikan isunya.

Strategi dan prestasi Belanjawan, 1980 ini juga telah menunjukkan bahawa ianya akan mewujudkan perkembangan dan kemajuan ekonomi negara semakin baik dan menjamin masa depan menjelang Rancangan Malaysia Keempat dan menyelesaikan

sebaik-baiknya matlamat Rancangan Malaysia Ketiga yang berlandaskan Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 1980 adalah tahun yang membanggakan kita semua kerana tahun 1980 eksport petroleum keluaran negeri ini akan mengambil tempat sebagai eksport negara yang utama di mana dijangka akan meningkat kepada peringkat 24% dari jumlah eksport negara berbanding hanya 18% sahaja pada tahun 1979 ini. Getah yang selama ini di tempat pertama sebanyak 21% akan tinggal di tempat kedua. Sementara bijih timah 11% di tempat ketiga dan minyak kelapa sawit 11% di tempat yang keempat dan kayu balak di tempat yang kelima dan seterusnya.

Oleh kerana peningkatan pengeluaran minyak kelapa sawit koko dan kayu balak di bidang eksport negeri ini sedangkan harga-harga barangan tersebut tidak stabil, sukalah saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan mengambil satu daya usaha yang bersungguh-sungguh supaya dapat menjamin kestabilan harga-harga minyak kelapa sawit, koko dan kayu balak yang dieksport agar menjadi pengeluaran negara yang semakin besar dan akan dapat memberikan sumbangan pertumbuhan ekonomi negara ini dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1980 ini juga adalah diharap dapat menolong menyelesaikan matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Dalam menjalankan usaha-usaha bagi meningkatkan taraf ekonomi kalangan rakyat miskin ini tidaklah dinafikan bahawa pihak Kerajaan sentiasa memberi perhatian yang berat dan perhatian yang langsung di atasnya. Tetapi apa yang diragu-ragukan ialah dengan melandanya suasana inflasi di negara kita ini yang kita tidak terdaya dibendungi itu adalah menjadikan kehampaan kalangan-kalangan masyarakat yang miskin untuk turut mencapai apa yang dikatakan Dasar Ekonomi Baru. Harga barangan semakin meningkat, barang-barang keperluan terdapat kekurangan berbanding dengan keperluan-keperluan pengguna, tambahan adanya pula pihak-pihak yang cuba mendapatkan keuntungan yang lebih dan menekan pengguna-pengguna. Oleh itu, saya menyokong penuh kepada cadangan wakil dari Ulu Trengganu supaya ditubuhkan sebuah majlis barangan kebangsaan bagi mengkaji kedudukan bekalan dan permintaan barang-barang

terutama barang-barang tertentu khususnya barangan kawalan untuk mengatasi masalah mengawal pengedaran dan peruncitan barang-barang tersebut. Dan saya juga adalah bersependapat dengan apa yang telah dicadangkan oleh wakil dari Pagoh atas cadangan 10 perkaranya itu untuk mengatasi masalah perlandaan inflasi yang semakin meningkat di negara kita. Semoga dengan ini akan dapat membantu mengatasi ataupun menghadapi keadaan perkembangan inflasi daripada semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai matlamat dasar pelajaran di negeri ini, saya mengucapkan terima kasih dan menyokong penuh kepada Kerajaan di atas pengumuman Yang Berhormat Menteri Pelajaran hendak menjadikan mata pelajaran agama Islam dan moral diwajibkan dalam semua peperiksaan persekolahan di negeri ini. Langkah ini sepatutnya dilaksanakan lebih awal dahulu lagi dan bukan baru sekarang, tetapi atas kesedaran bahawa gejala-gejala yang melanda generasi-generasi muda dan pelajar-pelajar dewasa ini, maka adalah satu sikap yang wajar sekali perkara pendidikan rohani dan akhlak ini diberi keutamaan. Di sini sukalah juga saya menarik perhatian pihak Kerajaan tentang wujudnya kalangan pelajar-pelajar kita sama ada di luar negeri dan juga dalam negeri yang seringkali membangkitkan masalah penentangan terhadap dasar-dasar Kerajaan untuk kebaikan rakyat negeri ini seluruhnya dan juga pertumbuhan masyarakat generasi baru hasil dari pendidikan pelajaran dari dasar pelajaran yang wujud ini. Falsafah pendidikan yang diterapkan dalam dasar pelajaran kita dan diajar atau disampaikan kepada pelajar-pelajar adalah satu bentuk pendidikan yang berdasarkan kepada kebebasan berfikir. Dan ini diyakinkan akan lahir individu-individu dan kumpulan-kumpulan manusia yang baik dan berguna kepada negara. Tetapi apa yang jelas bahawa warganegara yang baik belum tentu menjadi manusia yang baik sebaliknya manusia yang baiklah pastinya menjadi warganegara yang baik. Oleh itu, sukalah saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan khasnya Kementerian Pelajaran menyemak kembali segala keadaan dan kesan atas lahirnya Dasar Pelajaran Kebangsaan sekarang di segi pertumbuhan fikiran dan pembentukan akhlak dan budi pekerti serta kerohaniannya dan jika perlu supaya dapat diubah-suai serta dimatlamatkan semula

Dasar Pelajaran Kebangsaan kita itu kepada harapan tadi, semoga masa depan rakyat dan negara ini dari pertumbuhan generasi yang sedang membesar akan dapat menjamin sebagai sebuah masyarakat yang bermoral tinggi, bersatu-padu, berdasarkan kepada kebaikan dari ajaran agama Islam dan keutuhan negara dengan keizinan Allah.

Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat wakil dari Sepang di Dewan ini mengenai belia-belia di negara ini pada 26hb Oktober, 1979 yang lalu, saya juga suka mengulang di sini bahawa masa depan negara adalah bergantung besar kepada generasi belia yang sedang membesar di negara ini. Saya pernah membangkitkan di Dewan ini dahulu meminta supaya pihak Kerajaan, khususnya Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan supaya menyusun satu strategi belia negara yang tepat dan menyeluruh supaya kesannya akan benar-benar berkesan kepada matlamatnya. Perlulah diingat bahawa sekiranya perkara ini dipandang sepi dan tidak diberi perhatian sesungguhnya kepada pertumbuhan dan perkembangan belia-belia di negeri ini, maka apa yang pasti dalam jangka masa panjangnya satu keadaan yang tidak akan terjaminnya kestabilan politik, ekonomi sosial dan keselamatan negara ini adalah jelas.

Tuan Yang di-Pertua, dari Belanjawan 1980 yang dibentangkan juga jelas semakin banyak peruntukan pembangunan diberikan. Dari segi wang nampaknya tidaklah menjadi masalah lagi, tetapi apa yang diragu-ragukan ialah apakah pelaksanaan pembangunan yang diuntukkan itu akan dapat benar-benar diselesaikan dalam jangka masanya. Penentuan kejayaan pencapaian ini adalah bergantung besar kepada tenaga-tenaga pelaksanaan oleh berbagai jabatan dan agensi Kerajaan sendiri. Pernah terdapat projek-projek pembangunan yang dirancangan sejak beberapa tahun kebelakangan masih belum dimula atau diselesaikan sehingga sekarang ini. Apakala ianya kelewatan, ini kononnya kerana kurang kakitangan dan ada kalanya kerana kelemahan atau kecuaiannya pegawai-pegawai itu sendiri. Saya tidak nafikan bahawa banyak tenaga dan pegawai-pegawai Kerajaan kita yang berdedikasi dan benar-benar bekerja dengan bersungguh-sungguh untuk kejayaan malah lebih dari itu. Ini kita rakamkan penghargaan dan terima kasih tetapi tidak juga

dapat dinafikan bahawa terdapatnya pegawai-pegawai yang kurang berminat malahan sentiasa memberi helah atas sebab-sebab kegagalan tanpa memikirkan lebih sedikit untuk menyelesaikan dan bukan hanya dijawab tidak boleh sedangkan tidak cuba menyelesaikan atau cuba mengatasinya. Satu perkara lain di mana ianya juga menjadi mundur dan kadang-kadang menjadi gagal pula adalah dengan adanya terlampau banyak tugas-tugas dan beban-beban ke atas seseorang pegawai atau tenaga-tenaga pelaksanaan ini sehingga ianya tidak berkemampuan dan terkawal. Bila tidak terkawal akan berlakulah berbagai kelemahan dan malahan menjadi penyelewengan dan seterusnya kecurangan. Saya suka berikan satu misalannya di sini, Tuan Yang di-Pertua, iaitu seperti apa yang telah dinyatakan dalam satu kenyataan akhbar oleh Pengerusi UDA baru-baru ini yang mana beliau menyatakan bahawa penyertaan usahasama UDA dengan swasta telah melenyapkan berjuta-juta ringgit dan menguntungkan orang lain sahaja.

Apa yang timbul dalam hal ini ialah kerana terlampau banyaknya tugas diletakkan kepada seseorang pegawai yang bertugas itu dalam berbagai beban dan pengarah-pengarah sehingga tak terdaya hendak dilihat dan diarahnya dan jadilah seperti kata pepatah orang tua-tua: harapkan anak buta sebelah, harapkan orang buta kedua belah. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan menubuhkan sebuah jawatankuasa bertugas bagi bertanggungjawab untuk menyemak, mengkaji dan mengikuti di atas sesuatu pelaksanaan perancangan dasar itu agar ianya dapat segera dikesan dan segera diambil tindakan oleh pihak Kerajaan bagi benar-benar berjalan dan mencapai matlamatnya dan bukan setelah terjatuh ke lubuk baru teraba-raba mencari tebing dan mengingatkan tempat untuk berpaut.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dalam usaha-usaha Kerajaan untuk mempertingkatkan darjah hidup masyarakat tani dan nelayan-nelayan di negeri ini saya sukacita dan berterima kasih serta memberikan penghargaan kepada Kerajaan dan khususnya Kementerian Pertanian di atas berjayanya pelancaran Pusat Geraktani yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersempena Perayaan Hari Ladang 1979 di Kelantan pada 4hb November, 1979 kemarin.

Pelancaran ini membuktikan satu lagi taraf kemajuan bagi mencapai matlamat Kerajaan untuk meninggi dan mengujudkan masyarakat tani yang moden dan progresif. Dari matlamat-matlamat pelancaran Pusat Geraktani ini jelas ianya berharap dan akan mencapai kebaikan. Tetapi sejauh manakah hasil pencapaiannya kelak belum pasti jika hasrat pelancaran ini tidak diikuti dengan sepenuh-penuh hasrat dan rasa tanggungjawab sepenuhnya dari kakitangan-kakitangan bertugas dan juga kalangan petani yang terlibat sendiri. Apa yang pernah menggagalkan atau menjadi mundur dalam satu-satu pelancaran matlamat adalah disebabkan masalah-masalah dan bila menemui masalah, maka kakitangan-kakitangan petugas hanya berhenti di situ dan tidak berusaha memikirkan untuk mengatasinya.

Bila ditanya mengapa tak jadi, jawabnya ada masalah. Masalah-masalah banyak sekali. Mana kerja yang tidak ada masalah, tetapi jika minat mengatasinya kurang, tidaklah memberi apa-apa erti. Apa lagi jika masalah-masalah sengaja diada-adakan, malahan juga jika disabotaj atau dibuat penipuan. Misalnya di dalam rancangan subsidi baja Kerajaan kepada petani-petani yang sedang berjalan sekarang ini di mana kita telah dapati ada pihak-pihak pembekal baja yang tertentu telah cuba menipu dengan mencampurkan baja-baja tersebut dengan bahan-bahan yang tidak bermutu dan menjadikan baja tersebut kurang berkesan menurut kebiasaannya. Atas kejadian ini saya berharap pihak Kementerian Pertanian dapat membuat penyiasatan segera dan mengambil tindakan sewajarnya di atas kejadian tersebut supaya matlamat baik Kerajaan di dalam memberikan subsidi ini memberi faedah, memberi imej dan penghargaan dan bukan tuduhan dan cemuh-cemuhan.

Tuan Yang di-Pertua, dari matlamat pelancaran Pusat Geraktani ini juga beberapa agensi perkhidmatan dan perkembangan adalah terlibat secara langsung yang mana ianya adalah termasuk juga Jabatan Pertanian, Jabatan Haiwan, Jabatan Perikanan, Bank Pertanian, FAMA, MARDI dan lain-lain. FAMA perlulah memainkan peranannya yang penting dalam pemasaran kerana ianya adalah memberi nadi kepada kejayaan hasil pengeluaran para petani dalam menentukan semangat dan keinginan untuk terus berusaha dan menjayakan perancangan. Jika pengeluaran para petani tanpa mendapat pasaran

yang baik maka akan gagallah hasrat yang diusahakan malahan menjadi kebuntuan semangat para-petani sendiri untuk terus berusaha.

Contohnya, Tuan Yang di-Pertua, pada masa kemarau melanda Kawasan MADA tahun lalu di mana petani-petani tidak dapat bertanam padi, pihak petani telah digalakkan supaya menternak ayam dan atas galakan ini telah disambut baik. Tetapi apa yang telah terjadi, semangat untuk terus menternak ayam besar-besaran itu telah menjadi sia-sia kerana pasaran harga ayam jatuh ke paras 80 sen sekati, pada hal sebelum petani-petani memeliharanya harga meningkat \$1.80 sekati. Jadi siapakah hendak menternak ayam lagi kalau sekiranya sekati ayam harganya 80 sen sudah sama dengan harga seekor benih ayam itu sendiri.

Selain daripada itu, banyak juga contoh-contoh lain yang dapat diberikan, misalnya di dalam Rancangan Buku Hijau di mana kita telah menggalakkan banyak petani-petani untuk bertanam hasil-hasil selingan ataupun tanaman-tanaman kontan dan kita juga telah menggalakkan para-petani belia supaya tidak hanya berhijrah ke bandar dan hendaklah tertumpu kepada bidang pertanian dengan menanam tanaman-tanaman yang dapat mendatangkan hasil. Tetapi apabila tanaman-tanaman ini telah mendatangkan hasilnya, tiba-tiba tidak mendapat pasaran dan dengan ini adalah menjadi sia-sia kepada segala usaha yang telah dicurahkan itu. Atas hal-hal begini, sukalah saya mencadangkan supaya pihak FAMA dapat mengkaji dan menjadikannya sebagai sebuah agen pemasaran yang khusus dan berkesan agar dengan itu akan memberi sebaik-baiknya kepada hasil-hasil pengeluaran para petani dan bukan FAMA untuk melepaskan batuk ditangga sahaja. Dan sebaik-baiknya FAMA hendaklah juga memainkan peranan mengujudkan pusat-pusat pemasaran borongan hasil-hasil pertanian desa di pusat-pusat bandar di tiap-tiap negeri dan mengawal harga-harga di peringkat yang stabil dari masa ke semasa. Selain dari menjamin harga pasaran hasil-hasil pertanian juga tidaklah harus kita perkecilkan tentang pengeluaran hasil-hasil pertanian itu sendiri dengan sebaik-baiknya.

MARDI yang juga adalah satu agensi yang penting dalam menghasilkan kajian dan mengujudkan benih-benih yang baik dari

masa ke semasa. Oleh kerana memandangkan betapa perlunya lebih banyak benih-benih baru dijudkan dan dibiakkan, saya mencadangkan supaya MARDI bukan sahaja menjalankan fungsi penyelidikan dan menghasilkan benih-benih yang baik bagi berbagai jenis benih pertanian tetapi perlulah juga ianya mengujudkan satu fungsi baru dalam peranannya iaitu MARDI juga menjalankan satu pusat pembiakan benih-benih terutama sekali benih-benih pertanian yang diperlukan untuk dipasarkan atau untuk dapat membekalkan secara jualan kepada keperluan para petani di negeri ini. Jika ini dapat dilaksanakan maka dalam peningkatan usaha-usaha matlamat pembangunan dan memajukan kaedah-kaedah pertanian di negeri ini akan lebih berkesan dan lebih berjaya lagi.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin menyentuh sedikit di sini mengenai perkara yang sering kali dibangkitkan oleh berbagai pihak yang meminta supaya pihak Kerajaan dan khasnya Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Pusat dapat menyelaraskan perkara-perkara yang berhubung dengan petua-petua atau sebagainya yang bersangkutan di dalam ajaran Ugama Islam supaya satu-satu petua ataupun pengumuman petua-petua itu tidak menjadi ke-

keliruan dan seterusnya menimbulkan puak-puak dan fahaman-fahaman di dalam sesuatu perkara berkaitan dalam ugama. Suka saya memberikan misalannya baru-baru ini, ada kalangan tertentu telah membuat petua dan membuat kenyataan di dalam kumpulan masyarakat bahawa kononnya sembahyang Hari Raya Idiladha yang disambut di negara kita ini pada jam 9.30 pagi hari Rabu yang lalu adalah tidak sah, kononnya pada jam 8.30 itu di Mekkah belum lagi siang, pada hal kita raya di sini adalah menurut sehari selepas hari wukuf di Arfah. Jadi ini juga telah menjadi perbincangan dan juga telah menimbulkan berbagai-bagai telahan yang meragukan dikalangan masyarakat terutama kalangan-kalangan yang menjadi pengikut kepada ugama kita sendiri.

Selain daripada itu banyak lagi perkara-perkara yang berkait dengan perkara-perkara yang seumpama ini telah dibangkitkan sedang . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup. Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang, hari esok, 7hb November, 1979.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*